



Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

MOH/S/FAR/10.20(TR)-e

LAPORAN TEKNIKAL KONVENSYEN INOVASI DAN KREATIVITI FARMASI 2019 (KIKF 2019)



Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Laporan Teknikal Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019 (KIKF2019)

PENASIHAT

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
YBrs. Dr Ramli bin Zainal

Pengarah Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
YBrs. Dr Hasenah binti Ali

KETUA EDITOR

Nurhairani binti Abdul Latif
Timbalan Pengarah
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

EDITOR BERSAMA

1. Saidatul Sheeda binti Ahmad Shukri
Ketua Penolong Pengarah Kanan UF52
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

2. Yeap Hui Bing
Ketua Penolong Pengarah UF48
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

3. Khazira binti Khalid
Penolong Pengarah Kanan UF44
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

4. Siti Fairuz binti Zulkefeli
Ketua Penolong Pengarah UF48
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

LAPORAN TEKNIKAL KONVENSYEN INOVASI DAN KREATIVITI FARMASI 2019 (KIKF2019)

ISBN 978-967-5570-92-6
eISBN 978-967-5570-89-6
MOH/S/FAR/10.20(TR)-e

Diterbitkan oleh:

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi

Kementerian Kesihatan Malaysia

Lot 36, Jalan Universiti,

46200 Petaling Jaya, Selangor.

©Kementerian Kesihatan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis dan penerbit.

eISBN 978-967-5570-89-6



9 789675 570896

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Glosari	iv
Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi 2019 - Sepintas Lalu	1
Perbandingan Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi Dari Tahun 2009 - 2019	2
Perjalanan Pelaksanaan Konvensyen	8
Bab 1: Pra Konvensyen	9
1.1 Jawatankuasa Penganjur Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi 2019	10
1.2 Ringkasan Peranan Setiap Jawatankuasa Dalam Pelaksanaan KIKF 2019	13
1.3 Senarai Tugas Setiap Jawatankuasa	14
1.4 Agenda Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi 2019	16
1.5 Garis Panduan Penyertaan Dan Pembentangan Projek KIKF 2019	18
1.6 Borang Penyertaan KIKF2019	23
1.7 Template Abstrak	25
1.8 Template Laporan	28
1.9 Kriteria Penghakiman	32
1.10 Borang Penilaian Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi 2019	37
1.11 Senarai Pembentang	39
1.12 Senarai Showcase	46
1.13 Senarai Panel Hakim	47
Bab 2: Konvensyen	49
2.1 Ulasan Panel Hakim	50
2.1.1 Ulasan Kategori QA Oral	50
2.1.2 Ulasan Kategori QA Poster	51
2.1.3 Ulasan Kategori KIK	51
2.1.4 Ulasan Kategori Inovasi Proses	52
2.1.5 Ulasan Kategori Inovasi Perkhidmatan	52
2.1.6 Ulasan Kategori Inovasi Teknologi	53
2.1.7 Ulasan Kategori Inovasi Produk	53
2.2 Plenari	54
2.2.1 Plenari 1: <i>Horizon Scanning Of Health Technologies</i>	54
2.2.2 Plenari 2: Perkongsian Pengalaman Daripada Pemenang Projek Inovasi	54
2.3 Seminar Pra-Konvensyen	56
2.3.1 Bengkel <i>TRIZ (Teoriya Resheniya Izobreatatelskikh Zadatch)</i>	56
2.3.2 Bengkel <i>LEAN</i>	56
2.3.3 Bengkel <i>Design Thinking (DT)</i>	57
2.4 Senarai Pemenang Dan Anugerah Khas	58

Bab 3: Pasca Konvensyen	63
3.1 Mesyuarat Post-Mortem Penganjuran KIKF2019	64
3.1.1 Isu Dan Cabaran Serta Tindakan Penambahbaikan	65
3.1.2 Analisa Borang Penilaian Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi 2019	69
3.2 Belanjawan Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi 2019	72
3.3. Cadangan Replikasi Atau Perkongsian	74
3.4 Gambar –Gambar Warna Warni Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi 2019	75
Lampiran	92
Lampiran 1: Teks Ucapan Perasmian Penutupan	93
Lampiran 2: Susun Atur Konvensyen Di <i>Berjaya Water Front Hotel, Johor Bahru</i>	98
Lampiran 3: Reka Bentuk <i>Signage</i> Konvensyen	100
Lampiran 4: Reka Bentuk Tag Nama Konvensyen	102
Lampiran 5: Reka Bentuk Piala & <i>Mock Cheque</i> Pemenang KIKF2019	103
Lampiran 6: Reka Bentuk Sijil KIKF2019	105
Lampiran 7: Senarai Semak Peralatan Yang Perlu Dibawa Semasa Konvensyen	106
Lampiran 8: Slaid Latar Belakang Konvensyen	109
Lampiran 9: Borang Permohonan Hadiah Pertandingan KIKF2019	114
Lampiran A: Slaid Plenari <i>Horizon Scanning Of Health Technologies</i>	115
Lampiran B: Slaid Plenari Perkongsian Projek Inovasi <i>Ez Weigh</i>	119
Lampiran C: Slaid Plenari Perkongsian Projek <i>E-Mix</i>	122
Lampiran D: Slaid Bengkel Pra-Konvensyen TRIZ	128
Lampiran E: Slaid Bengkel Pra-Konvensyen LEAN <i>Healthcare</i>	134
Lampiran F: Slaid Bengkel Pra-Konvensyen <i>Design Thinking</i>	139

PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Penganjur, Ahli Jawatankuasa Kerja Konvensyen Inovasi dan Kreativiti 2019 (KIKF2019), Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Johor, panel hakim dan mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan konvensyen pada kali ini. Usaha dan kerjasama daripada semua pihak semasa menjayakan konvensyen ini memperlihatkan sokongan dan komitmen yang jitu terhadap aktiviti peningkatan kualiti (*Quality Improvement*).

Laporan Teknikal Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi merupakan penerbitan yang julung-julung kalinya dihasilkan sejak ianya dianjurkan pada tahun 2009. Penyediaan laporan ini menunjukkan perincian perjalanan konvensyen dari konsep sehingga *post-mortem* dilaksanakan.

Objektif laporan ini adalah bagi merakam dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman yang tidak didokumentasikan sebelum ini, di samping membimbing pegawai yang belum pernah atau pertama kali menganjurkan konvensyen. Rumusan penganjuran konvensyen lepas dan *lesson learnt* turut dimasukkan ke dalam laporan ini bagi menunjukkan penambahbaikan (*improvement*) yang telah dilaksanakan dari satu konvensyen ke konvensyen seterusnya.

Diharapkan laporan ini dapat memberi inspirasi dan menjadi rujukan dalam penganjuran konvensyen pada masa akan datang. Cabaran-cabaran yang telah dikenalpasti harus diatasi dengan langkah penyelesaian yang kreatif dan bijaksana agar penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*) dapat dilaksanakan dalam setiap penganjuran konvensyen.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan sekalung penghargaan dan seuntai ingatan yang berpanjangan kepada arwah Azlan Bin Ahmad. Beliau merupakan salah seorang daripada tulang belakang Jawatankuasa Penganjur KIKF 2019, yang terlebih dahulu menyahut panggilan Ilahi pada 6 Julai 2020. Semoga Allah s.w.t melimpahkan rahmat dan kurnia ke atas rohnyanya.

Ketua editor,

Nurhairani binti Abdul Latif
Timbalan Pengarah
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

GLOSARI

BPF	Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri
CPF	Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri
JK	Jawatankuasa
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
KIK	Kumpulan Inovatif dan Kreatif
KIKF2019	Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019
KK	Klinik Kesihatan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KMK	Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PKPF	Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
QA	<i>Quality Assurance</i>
TRIZ	<i>Teoriya Resheniya Izobreatatelskikh Zadatch</i>

KONVENSYEN INOVASI DAN KREATIVITI FARMASI 2019 - SEPINTAS LALU

Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi (KIKF) diadakan setiap dua tahun bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada hasil inisiatif kualiti yang diperkenalkan oleh warga farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia juga merupakan satu platform perkongsian idea hasil ciptaan anggota-anggota farmasi yang dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan farmasi di negara ini. Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi KKM, khususnya Cawangan Perkembangan Infrastruktur dan Kualiti Farmasi berperanan sebagai penyelaras induk dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri selaku tuan rumah.

Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019 telah berlangsung dengan jayanya pada 5-7 Ogos 2019 di Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru. Konvensyen ini merupakan yang ke-6 seumpamanya dianjurkan oleh Program Perkhidmatan Farmasi sejak tahun 2009 yang bertemakan "Memacu Kelestarian Inovasi".

Objektif penganjuran KIKF2019 adalah seperti berikut:

- Memberi pengiktirafan kepada hasil inisiatif kualiti yang diperkenalkan oleh warga farmasi KKM.
- Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan oleh warga farmasi KKM.
- Memperkenalkan dan menyebarkan inisiatif-inisiatif kualiti farmasi yang boleh dicontohi untuk faedah bersama.
- Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan farmasi kepada pelanggan.

Seramai 449 anggota farmasi dari seluruh Malaysia telah terlibat dalam konvensyen kali ini. Sebanyak 80 projek dari lapan (8) kategori telah dipertandingkan iaitu 12 projek dari kategori QA Oral, 16 projek di bawah QA Poster, 10 projek masing-masing dari kategori Inovasi Teknologi, Inovasi Perkhidmatan, Inovasi Proses dan Inovasi Produk, serta 12 projek dari kategori KIK Penciptaan dan Penambahbaikan. Konvensyen kali ini turut mengetengahkan acara baharu iaitu *Showcase* untuk tujuan *sharing and bridging*. Lima (5) projek farmasi yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan telah dijemput untuk menyertai acara ini sebagai salah satu *platform* untuk perkongsian dan replikasi projek.

Konvensyen turut dimeriahkan dengan bengkel pra-konvensyen berkaitan aktiviti-aktiviti peningkatan kualiti dan sesi plenari yang memfokuskan *Horizon Scanning* dan perkongsian pengalaman pemenang Kategori Inovasi terdahulu.

Majlis perasmian penutup KIKF2019 telah disempurnakan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, YBrs. Dr. Ramli Bin Zainal pada 7 Ogos 2019 dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Johor telah dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan konvensyen tahun 2019 dan membawa pulang piala pusingan. Turut diumumkan bahawa penganjuran KIKF akan diadakan setiap 3 tahun berbanding 2 tahun seperti yang dianjurkan sebelum ini sebagai salah satu usaha meningkatkan lagi bilangan penyertaan dan kualiti aktiviti inovasi daripada warga farmasi.

PERBANDINGAN KONVENSYEN INOVASI DAN KREATIVITI FARMASI DARI TAHUN 2009 - 2019

Perkara	2009	2011	2013	2015	2017	2019
Tarikh	23-25 November	30 Oktober – 2 November	10-13 Jun	9-12 Ogos	6-8 Ogos	5-7 Ogos
Lokasi	The Summit Hotel, Subang USJ	Avillion Legacy, Melaka	Royale Bintang, Seremban	The Everly Hotel, Putrajaya	Klana Resort, Seremban	Berjaya Waterfront, Johor Bahru
Objektif	- Meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan perkhidmatan Kualiti berterusan dalam kalangan anggota farmasi. - Membudayakan perkhidmatan berkualiti melalui inovasi dan kreativiti. - Menghargai sumbangan anggota farmasi yang terlibat dalam usaha peningkatan kualiti Program Perkhidmatan Famasi.	- Membudayakan inovasi dan kreativiti dalam perkhidmatan farmasi -Menjana transformasi dengan mengaplikasi hasil inovasi kreatif dalam praktis farmasi -Menghargai sumbangan anggota farmasi yang terlibat dalam usaha peningkatan kualiti Program Perkhidmatan Famasi	- Mencetus pemikiran kreatif dan inovatif dalam penciptaan nilai -Berkongsi pengetahuan dan pengalaman warga farmasi yang mengaplikasikan hasil inovasi dan kreatif - Memperkasa budaya inovatif menerusi permuafakatan warga farmasi	- Menjana idea ke arah penghasilan projek berinovasi dan berkualiti di kalangan warga farmasi. - Membudaya dan memperkasakan inovasi dan kreativiti demi memantapkan perkhidmatan farmasi. - Menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga farmasi yang terlibat dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.	- Mencetus pemikiran kreatif dan inovatif dalam penciptaan nilai - Berkongsi pengetahuan dan pengalaman warga farmasi yang mengaplikasi hasil inovasi dan kreatif - Memperkasa budaya inovatif menerusi pemuafakatan warga farmasi	- Memberi pengiktirafan kepada hasil inisiatif kualiti yang diperkenalkan oleh warga farmasi KKM. - Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan oleh warga farmasi KKM. -Memperkenalkan dan menyebarkan inisiatif-inisiatif kualiti farmasi yang boleh dicontohi untuk faedah bersama. - Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan farmasi kepada pelanggan.
Tema	Perkhidmatan Farmasi Berkualiti Melalui Inovasi dan Kreativiti	Inovasi Kreatif Penjana Transformasi Kecemerlangan Farmasi	Cetus Inovasi Berterusan, Inspirasi Farmasi Berwawasan	Inovasi Pemacu Farmasi Dinamik	Inovasi Pencetus Transformasi Farmasi	Memacu Kelestarian Inovasi
Logo						
Jumlah delegasi	NA	288 orang	NA	392 orang	489 orang	449 orang
Kehadiran	NA	Peserta Pertandingan: 116 Pemerhati: 94 Pengadil: 12 AJK: 51 VVIP/VIP: 15	NA	Peserta Pertandingan: 197 Pemerhati: 86 Pengadil: 12 AJK: 76 VVIP/VIP: 21	Peserta Pertandingan: 160 Pemerhati: 224 Pengadil: 15 AJK: 58 Jemputan Khas: 24 VIP: 8	Peserta Pertandingan: 179 Pemerhati: 203 Pengadil: 15 AJK: 58 Jemputan Khas: 24 VIP: 8
Majlis Perasmian dan Gimik	KPK - Persembahan multimedia - Penyampaian Anugerah & Penghargaan khas	KPK - Persembahan multimedia - Penyampaian Anugerah & Penghargaan khas	KPK - Persembahan multimedia - Penyampaian Anugerah & Penghargaan khas	KPK - Persembahan multimedia - Penyampaian Anugerah & Penghargaan khas	Timbalan KPK (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) - Persembahan multimedia - Penyampaian Anugerah khas	Tiada (Perasmian penutup diadakan sekali)

Perkara	2009	2011	2013	2015	2017	2019
Jumlah penyertaan awal	NA	NA	80 penyertaan QA Oral: 15 QA Poster: 11 KIK: 21 Inovasi: 33	140 penyertaan QA Oral: 25 QA Poster: 20 KIK: 22 Inovasi: 73	203 penyertaan QA Oral: 37 QA Poster: 39 KIK: 26 Inovasi: 101	235 penyertaan QA Oral: 57 QA Poster: 39 KIK (Penciptaan):14 KIK (Penambahbaikan): 29 Inovasi (Produk): 25 Inovasi (Teknologi): 11 Inovasi (Perkhidmatan): 19 Inovasi (Proses): 41
Kriteria Pemilihan projek	Penyertaan terbuka. Perlu melalui proses saringan dengan menepati kriteria-kriteria yang telah ditentukan oleh JK Penganjur.	Penyertaan terbuka. Perlu melalui proses saringan dengan menepati kriteria-kriteria yang telah ditentukan oleh JK Penganjur.	Penyertaan terbuka. Perlu melalui proses saringan dengan menepati kriteria-kriteria yang telah ditentukan oleh JK Penganjur.	Penyertaan terbuka. Perlu melalui proses saringan dengan menepati kriteria-kriteria yang telah ditentukan oleh JK Penganjur.	Penyertaan terbuka. Perlu melalui proses saringan dengan menepati kriteria-kriteria yang telah ditentukan oleh JK Penganjur.	Penyertaan terbuka. Perlu melalui proses saringan dengan menepati kriteria-kriteria yang telah ditentukan oleh JK Penganjur.
Penetapan bil. Projek peserta akhir	NA	Mesyuarat JK Penganjur: 58 projek	NA	NA	Mesyuarat JK Penganjur: 58 projek	Mesyuarat JK Penganjur: 80 projek
Kaedah saringan	NA	NA	Saringan melalui Mesyuarat JK Saintifik & Persembahan.	NA	Saringan melalui sistem dan satu sesi perbincangan bersama JKK Saintifik & Persembahan.	Saringan melalui JKK Saintifik dan Persembahan bersama JKK Pemilihan Abstrak.
Kategori QA Oral	12 penyertaan	15 penyertaan	15 penyertaan	16 penyertaan	12 penyertaan	12 penyertaan
Kategori QA Poster	10 penyertaan	16 penyertaan	11 penyertaan	16 penyertaan	16 penyertaan	16 penyertaan
Kategori Inovasi	15 penyertaan	16 penyertaan	16 penyertaan	20 penyertaan 2 kategori Sistem: 10 Produk: 10	20 penyertaan 2 kategori Produk: 10 Teknologi & Perkhidmatan: 10	40 penyertaan 4 kategori Produk: 10 Perkhidmatan: 10 Teknologi: 10 Proses: 10
Kategori KIK	11 penyertaan (KMK)	11 penyertaan	12 penyertaan	12 penyertaan	10 penyertaan	12 penyertaan 2 kategori KIK Penciptaan: 6 KIK Penambahbaikan: 6
Kaedah pembentangan semasa pertandingan	QA – lisan dan poster Inovasi – NA KMK - NA	QA – lisan dan poster Inovasi – NA KMK - NA	QA – lisan dan poster Inovasi – pembentangan di booth (18 booth) KIK - NA	QA – lisan dan poster Inovasi -NA KIK - NA	QA – lisan dan poster Inovasi – pembentangan di booth (<i>Shell Scheme</i>) KIK – pembentangan di booth (<i>Shell Scheme</i>)	QA – lisan dan poster Inovasi – pembentangan tertutup KIK – pembentangan tertutup
Tempoh pembentangan	NA	NA	QA Oral: 15min + 5min QA Poster: 5 – 10 minit semasa sesi pertandingan KIK: 20min + 5min Inovasi: 5-10 minit semasa pertandingan	QA Oral: 20min + 5min QA Poster: 15min + 5min KIK: 20min + 5min Inovasi: 15min + 5min	QA Oral: 15min + 5min QA Poster: 10min + 5min KIK: 10min + 10min Inovasi: 10min + 5min	QA Oral: 15min + 5min QA Poster : pembentang dikehendaki berada di poster untuk sesi soal jawab KIK: 10min + 10min Inovasi: 10min + 5min

Perkara	2009	2011	2013	2015	2017	2019
Nilai hadiah pertandingan	NA	Johan: RM2000 Naib Johan: RM1500 Tempat ketiga: RM1000	Johan: RM2000 + piala Naib Johan: RM1500 Tempat ketiga: RM1000	Johan: RM3000 Naib Johan: RM2000 Tempat ketiga: RM1000	Johan: RM1500 + piala Naib Johan: RM1250 Tempat ketiga: RM1000	Johan: RM3000 + piala Naib Johan: RM2000 Tempat ketiga: RM1000
Plenari	5 plenari	5 plenari 2 ceramah perkongsian	5 plenari 2 ceramah perkongsian	5 plenari 2 ceramah perkongsian	3 plenari 1 symposium	2 plenari 3 Bengkel Pra-Konvensyen
Majlis Penutup & Penyampaian hadiah	PKPF - Amanat - Cenderahati pengadil - Penyampaian hadiah & sijil pemenang	PKPF - Amanat - Cenderahati pengadil - Penyampaian hadiah & sijil pemenang	PKPF - Ulasan Hakim - Amanat - Penyampaian hadiah & cenderahati	PKPF - Amanat - Cenderahati pengadil - Penyampaian hadiah & sijil pemenang	PKPF - Amanat - Penyampaian hadiah & cenderahati	PKPF - Amanat - Penyampaian hadiah & cenderahati
Kewangan	NA	RM 242,681.60 (perbelanjaan)	RM 230,220	RM 230,700.00 (perbelanjaan)	RM 128,000.00 (diluluskan)	RM 210,000.00 (diluluskan)
Market Place Poster	Tiada	Tiada	Ada (2) MyPhAstrck (JKWPKL) Clicky Medde (Hospital Selayang)	Tiada	Tiada	Ada. Poster untuk semua projek inovasi dan KIK yang bertanding dipamerkan di <i>market place</i> kerana pembentangan inovasi dan KIK diadakan secara tertutup
Showcase	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	5 projek
Pra-Konvensyen	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	Ada	Ada
Pendaftaran peserta	Manual	Manual	Manual	Manual	Barcode Offline	Barcode Online
Jawatankuasa JK Penganjur	Pengerusi: Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi, BPF KKM Setiausaha: Timb. Pengarah Farmasi (Perkembangan), BPF KKM JK Urusetia: 8 orang JKK Pendaftaran: 1 orang JKK Penceramah & Floor Manager: 2 orang JK Pengadil: 5 orang JK Penginapan, Jamuan & Logistik: 12 orang JK Persembahan: 9 orang JK Publisiti & Percetakan: 3 orang JK Protokol: 6 orang JK Hadiah & Cenderahati: 3 orang Pengacara Majlis: 4 orang Jumlah: 55 orang	Pengerusi: Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi, BPF KKM Pengerusi Silih Ganti: Timb. Pengarah (Pengurusan Farmasi), BPF KKM JK Penyelaras: 6 orang JK Pendaftaran: 1 orang JK Plenari & Ceramah: 2 orang JK Pengadil: 6 orang JK Jamuan, Logistik & Teknikal: 15 orang JK Saintifik & Persembahan: 8 orang JK Protokol: 7 orang JK Hadiah: 7 orang JK Publisiti & Penerbitan: 4 orang Pengacara Majlis: 4 orang Floor Manager: 2 orang Jumlah: 64 orang	Pengerusi: Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi, BPF KKM Pengerusi Silih Ganti: Timb. Pengarah (Pengurusan Farmasi), BPF KKM JK Penyelaras: 6 orang JK Pendaftaran: 3 orang JK Plenari & Ceramah: 2 orang JK Pengadil: 7 orang JK Jamuan, Logistik & Teknikal: 18 orang JK Saintifik & Persembahan: 9 orang JK Protokol: 7 orang JK Hadiah: 7 orang JK Publisiti & Multimedia: 8 orang Pengacara Majlis: 4 orang Floor Manager: 4 orang Jumlah: 77 orang	Pengerusi: Pengarah Penguatkuasaan Farmasi, BPF KKM Pengerusi Silih Ganti: Timb. Pengarah (Dasar & Pengurusan Farmasi), BPF KKM JK Penyelaras: 6 orang JK Pendaftaran: 4 orang JK Plenari & Ceramah: 3 orang JK Pengadil: 7 orang JK Jamuan, Logistik & Teknikal: 17 orang JK Saintifik & Persembahan: 9 orang JK Protokol: 6 orang JK Hadiah: 7 orang JK Publisiti & Multimedia: 8 orang Pengacara Majlis: 4 orang Pengurusan Majlis: 4 orang Jumlah: 77 orang	Pengerusi: Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi IPKKM JK Penyelaras: 9 orang JK Pendaftaran: 4 orang JK Plenari: 2 orang JK Pengadil: 6 orang JK Logistik & Teknikal: 6 orang JK Saintifik & Persembahan: 9 orang JK Protokol & Hadiah: 9 orang JK Publisiti & Multimedia: 5 orang Pengacara Majlis: 4 orang Pengurusan Majlis: 4 orang Jumlah: 59 orang	Pengerusi Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi IPKKM & JK Penyelaras: 8 orang JK Kecil Pendaftaran: 2 orang JK Kecil Penginapan: 2 orang JK Pengadil: 7 orang JK Logistik & Teknikal: 6 orang JK Saintifik & Persembahan: 14 orang JK Protokol & Hadiah: 8 orang JK Publisiti & Multimedia: 6 orang Pengacara Majlis: 2 orang Pengurusan Majlis: 1 orang Jumlah: 56 orang

Perkara	2009	2011	2013	2015	2017	2019
Penetapan hakim /pengadil	<u>QA Lisan</u> i. Dr. Hj. Mohamad bin Omar ii. Dr. Nordin bin Salleh iii. Cik Sameerah bt. S.A Rahman <u>QA Poster</u> i. Dr. Norhaida bt Ujang ii. Dr. Nik Jasmin bt. Nik Mahir iii. Cik Kadariah Mohd Ali <u>KMK</u> i. Cik Fudziah bt. Dato' Ariffin ii. Dr. Nor Fildzatun bt Borhan iii. Dr. Zulkifli Mohamed Hashim <u>Inovasi</u> i. Dr. Zurina bt. Abu Bakar ii. En Ramli bin Zainal iii. Dr. Nourhanah bt Othman	<u>QA Lisan</u> i. Dato' Dr Mohd Ghazali bin Ismail (K) ii. Dato' Dr Hjh Juila bt Ghazalie iii. Tn. Hj. Ramli bin Zainal <u>QA Poster</u> i. Datin Dr Nur Maziah Bt Omar ii. Dr Norhaida Bt Ujang iii. Cik Siti Fauziah Bt Abu <u>KIK</u> i. Dr. Nor Fildzatun bt Borhan ii. Tn. Hj. Ruhaiyem Bin Yahaya iii. Tn. Hj. Abu Bin Mohamad <u>Inovasi</u> i. Dr. Doreyat Bin Jemun ii. Pn. Abida Haq Bt. Syed M. Haq iii. En. A. Rahman Zuhri	<u>QA Lisan</u> i. Dato' Dr Mohd Ghazali bin Ismail ii. Dr Norhaida Bt Ujang iii. Dr. Ramli bin Zainal <u>QA Poster</u> i. Datin Dr Nur Maziah Bt Omar ii. Dr. Nik Jasmin bt. Nik Mahir iii. Cik Samsiah Bt Awang <u>KIK</u> i. Dr. Nor Fildzatun bt Borhan ii. Prof Madya Ruhaiyem Bin Yahaya iii. Dr. Zulkifli Bin Mohamed Hashim <u>Inovasi</u> i. Dr. Doreyat Bin Jemun ii. En. Hasrizal Bin Zainul iii. Cik Kadariah Bt. Mohd. Ali	<u>QA Lisan</u> i. Dato' Dr Mohd Ghazali bin Ismail ii. Dr Norhaida Bt Ujang iii. Cik Sameerah bt. S.A Rahman <u>QA Poster</u> i. Datin Dr Nur Maziah Bt Omar ii. Dr. Noorlia Bt Yahaya iii. Cik Samsiah Bt Awang <u>KIK</u> i. Tn. Hj. Mohamad Hidayat Bin Ali Omar ii. Pn. Kamarunnesa Bt Mokhtar Ahmad iii. En. Mohd. Ramlee Bin Musa <u>Inovasi</u> i. Dr. Doreyat Bin Jemun ii. En. Mohammad Dali Bin Ismail iii. Dr. Hj. Nordin Bin Salleh	<u>QA Lisan</u> i. Dato' Dr Ghazali b. Ismail ii. Dr. Surguna Devi Muniandy iii. Dr Samsiah bt Awang <u>QA Poster</u> i. Dato' Dr. Noorlia bt Yahaya ii. Datin Dr. Nur Maziah bt Omar iii. Pn. Zaiton bt Kamarruddin <u>KIK</u> i. Dr. Nor Filzatun Bt Borhan ii. Dr. Wan Mohd Kamil Bin Dato Wan Nik iii. Dr. Abdul Haniff Bin Mohamad Yahaya <u>Inovasi (Produk)</u> i. Dr. Federa Aini bt Haji Bibit ii. En. Buhairi b. Jahilan iii. Pn. Kamarunnesa bt Mokhtar Ahmad <u>Inovasi (Perkhidmatan/ Teknologi)</u> i. En. Saiful Yazan b. Alwi ii. Pn. Fatkhiah bt Hj Khalil iii. Pn. Abrizah bt Abdul Aziz	<u>QA Lisan</u> i. Dr. Noorhaida bt Ujang (K) ii. Puan Syarifah Faiza binti Syed Mohd Dardin iii. Pn. Fajaratunnur bt Abdullah Sani <u>QA Poster</u> i. Dr. Azmi bin Alias (K) ii. Datin Dr. Nur Maziah bt Omar iii. En. Chan Huan Keat <u>KIK</u> i. Dr. Nor Filzatun bt Borhan (K) ii. Pn. Noor Diana Hayati bt Kamudin iii. Pn. Nurul Adilah bt Abdul Mutalib <u>Inovasi (Teknologi)</u> i. Pn. Zainab bt Mohamed Shah (K) ii. Dr. Chandravany a/p Supramaniam iii. Mohd Ghazali b. Ismail <u>Inovasi (Proses)</u> i. Dr. Amar b Imran (K) ii. En. Sharif b. Idros iii. En Affarizan b. Sidek <u>Inovasi (Perkhidmatan)</u> i. En. Mohd Amin b. Yaakob (K) ii. En. Muhammad Haziq b. Abdul Rahim iii. Pn. Syahida bt Che Embi
Saguhati pengadil	NA	NA	Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.4 Tahun 2011 (wang tunai) Pendrive khas KIKF2013	NA	Ketua Hakim: RM200/hari seorang Hakim: RM150/hari seorang	Ketua Hakim: RM200/hari seorang Hakim: RM150/hari seorang
Edaran Buku Aturcara / Kompendium	Ada (Hardcopy)	Ada (Hardcopy)	Ada (Hardcopy)	Ada (Hardcopy)	Ada (Hardcopy)	Tiada (capaian melalui website KIKF)
Anugerah Khas KIKF	NA	NA	Pertandingan logo & tema KIKF Piala Pusingan KIKF2013	Pertandingan Logo & Tema Kikf Juara Keseluruhan KIKF	Pertandingan logo & tema KIKF Juara Keseluruhan KIKF	Pertandingan logo KIKF Juara Keseluruhan KIKF

Perkara	2009	2011	2013	2015	2017	2019
Anugerah Khas oleh Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi dan Bahagian Penguatkuasaan Farmasi	NA	<u>Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi</u> i. Anugerah Inovasi Kaunter Farmasi Pesakit Luar (Kategori Hospital) ii. Anugerah Inovasi Kaunter Farmasi Pesakit Luar (Kategori Klinik Kesihatan) <u>Bahagian Penguatkuasaan Farmasi</u> i. Anugerah Stor Ekshibit Penguatkuasa Farmasi	<u>Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi</u> i. Anugerah Perkhidmatan Tambah Nilai (Kategori Hospital) ii. Anugerah Perkhidmatan Tambah Nilai (Kategori Klinik Kesihatan) <u>Bahagian Penguatkuasaan Farmasi</u> i. Anugerah Audit Dalam Aktiviti Penguatkuasaan (ADAP) ii. Anugerah Pencegahan & Kesedaran Pengguna Penguatkuasaan Farmasi	<u>Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi</u> i. Anugerah Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi (VAS) ii. Anugerah Amalan Keselamatan Pengubatan iii. Anugerah Pengurusan Stok <u>Bahagian Penguatkuasaan Farmasi</u> i. Anugerah Pertandingan Sistem Pelesenan Penguatkuasaan Farmasi (Persistan) ii. Anugerah Inovasi Lestari Penguatkuasa Farmasi iii. Anugerah Pengurusan Kes Terbaik	<u>Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi</u> i. Anugerah Inisiatif Penggunaan Ubat Berkualiti ii. Anugerah Pengurusan Penggunaan Ubat Yang Optimum (Peringkat: Hospital) iii. Anugerah Pelaksanaan DMTAC (Peringkat: Klinik Kesihatan) <u>Bahagian Penguatkuasaan Farmasi</u> i. Anugerah Pencapaian Kualiti Penguatkuasa Farmasi ii. Anugerah Pengendalian Ekshibit Dan Stor Ekshibit Terbaik Cawangan Penguatkuasa Farmasi	<u>Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi</u> i. Anugerah Inisiatif Program Duta Prihatin Masyarakat ii. Anugerah Perkhidmatan Kaunseling Ubat-Ubatan Di Fasilitas Kesihatan Kkm iii. Anugerah Pengurusan Inventori Terbaik <u>Bahagian Penguatkuasaan Farmasi</u> i. Anugerah Penyaringan Iklan Penguatkuasaan Farmasi (MAdSA) ii. Anugerah Perisikan Taktikal Penguatkuasaan Farmasi iii. Anugerah Pemeriksaan Premis Berlesen Penguatkuasaan Farmasi (MaLPI) Piala Pusingan Pengarah Penguatkuasaan Farmasi 2019

TABURAN PENGANJURAN KIKF 2009-2019



PERJALANAN PELAKSANAAN KONVENSYEN

	PERINGKAT / TARIKH	AKTIVITI
BAB 1 : PRA KONVENSYEN	22.11.2018 (Khamis)	Mesyuarat JK Penganjur KIKF2019 Bil.1
	5.12.2018 (Rabu)	Pengumuman Pertandingan Mencipta Logo KIKF
	9.1.2019 (Rabu)	Penetapan tuan rumah
	21.1.2019 (Isnin)	Tarikh tutup Pertandingan Mencipta Logo KIKF
	22.1.2019 (Selasa)	Lawatan pemilihan lokasi
	24.1.2019 (Khamis)	Hebahan Pertama KIKF2019
	31.1.2019 (Khamis)	Mesyuarat JK Penganjur KIKF2019 Bil.2
	22.2.2019 (Jumaat)	Penerimaan Abstrak Projek
	15.4.2019 (Isnin)	Tarikh tutup penghantaran Abstrak
	16.4.2019 (Selasa)	Mesyuarat JK Penganjur KIKF2019 Bil.3 - Pemilihan logo rasmi KIKF
	13.5.2019 – 15.5.2019 (Isnin – Rabu)	Mesyuarat Saringan Abstrak Mesyuarat JKK Saintifik dan Persembahan Bil 1 Mesyuarat JKK Pengadilan
	30.5.2019 (Khamis)	Pengumuman Projek Terpilih ke Peringkat Akhir KIKF2019
	11.6.2019 (Selasa)	Mesyuarat Pemurnian Abstrak dan Laporan Penuh KIKF2019
	25.6.2019 (Selasa)	Mesyuarat JK Penganjur KIKF2019 Bil.4 - Penetapan tema KIKF
	24.7.2019 (Rabu)	Mesyuarat JK Penganjur KIKF2019 Bil.5 Persediaan dari pihak urusetia
BAB 2 : KONVENSYEN	5.8.2019 (Isnin)	Bengkel Pra-Konvensyen - Bengkel <i>Lean</i> - Bengkel TRIZ - Bengkel <i>Design Thinking</i>
	6.8.2019 – 7.8.2019 (Selasa dan Rabu)	Hari Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019 (KIKF2019) - Plenari - Pembentangan projek-projek - Anugerah Khas Farmasi - <i>Showcase</i>
BAB 3 : PASCA KONVENSYEN	22.8.2019 (Khamis)	Kiriman sijil pemenang KIKF2019 melalui Poslaju
	30. 8.2019 (Jumaat)	Mesyuarat Post Mortem KIKF2019



BAB 1

PRA KONVENSYEN

1.1 Jawatankuasa Penganjur Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019

JAWATANKUASA PENGANJUR

Penasihat

Dr. Ramli Bin Zainal
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

Pengerusi

Dr. Hasenah Binti Ali
Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

JK Kerja Penyelaras & AJK Penganjur

Pn. Nurhairani Binti Abdul Latif
Timbalan Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
Ketua (JK Kerja Penyelaras)

En. Tineshwaran A/L Velvanathan
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
JK Kecil Pra-Bengkel & Plenari

En. Azlan Bin Ahmad
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
JK Kecil Penginapan

Pn. Amta Elita Binti Ahmad
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
JK Kecil Pendaftaran

En. Khairul Iman Bin Muzakir
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
JK Kecil Poster & Showcase

Cik Saidatul Sheeda Binti Ahmad Shukri
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
JK Kecil Pendaftaran

Pn. Yeap Hui Bing
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
JK Kecil Pendaftaran

Pn. Khazira Binti Khalid
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
Setiausaha Konvensyen/ JK Kecil Penginapan

AJK JK Penganjur

Pn. Bibi Faridha Binti Mohd Salleh
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
Ketua (JK Kerja Protokol & Hadiah)

Pn. Farizan Binti Abdul Ghaffar
Pegawai Farmasi (UF54)
Hospital Serdang, Selangor
Ketua (JK Kerja Saintifik & Persembahan)

En. Muhd Bahrudin Bin Sari'at
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Ketua (JK Kerja Logistik & Teknikal)

En. Manzatul Azrul Azrie Bin Sulaiman
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Floor Manager

En. Mohd Radzi Bin Abdul Aziz
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
Ketua (JK Kerja Kerja Publisiti & Multimedia)

Pn. Siti Fairuz Binti Zulkefeli
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
Ketua (JK Kerja Pengadil)

AJK Kerja Protokol & Hadiah

Pn. Nurzita Binti Ahmad Nasir
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

Pn. Masliana Binti Awang
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

Pn. Nurulmaya Binti Ahmad Sa'ad
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

Pn. Nurul Afifah Binti Osman
Ketua Penolong Pengarah
Lembaga Farmasi Malaysia

Pn. Shakirin Binti Shaik Rahmat
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

Pn. Noor Syuhaidah Binti Radzuan
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

Pn. Rahiah Binti Mat Tasu
Penolong Pegawai Farmasi (U32)
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Pengacara Majlis

Pn. Nurzila Binti Zainal Abidin
Pegawai Farmasi (UF52)
Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor

En. Nasran Shafiz Bin Hassim
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

AJK Kerja Saintifik & Persembahan

Pn. Sarah Diyana Binti Shafie
Pegawai Farmasi (UF52)
Hospital Serdang, Selangor

En. Ahmad Fathi Bin Mahayudin
Pegawai Farmasi (UF48)
Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar, Alor Setar

Pn. Adibah Binti Murayadi
Pegawai Farmasi (UF48)
Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan

Pn. Asmahani Binti Ramelan
Pegawai Farmasi (UF48)
Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Selangor

Pn. Noorul Aimi Binti Daud
Pegawai Farmasi (UF48)
Hospital Serdang, Selangor

Pn. Suhaili Binti Samad
Pegawai Farmasi (UF48)
Pejabat Kesihatan Daerah Klang, Selangor

En. Shahir Anuar Bin Shahrani
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

En. Goh Man Fye
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

En. Rizwan Bin Ramli
Pegawai Farmasi (UF48)
Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan

Pn. Tharshini A/P Subramaniam
Pegawai Farmasi (UF44)
Hospital Tanjung Karang, Selangor

En. Cha Kwong Win
Pegawai Farmasi (UF44)
PKD Kuala Langat, Selangor

Pn. Asdayati Binti Buang
Pegawai Farmasi (UF48)
Hospital Banting, Selangor

Pn. Faridah Binti Saidi
Ketua Profesion Penolong Pegawai Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

AJK Kerja Pengadil

Pn. Syuhaida Binti Mohd Yasin
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Pn. Anis Adilah Binti Jamaludin
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pn. Raihan Binti Muhamedin
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

Pn. Nur Zarifah Binti Zakaria
Pegawai Farmasi (UF48)
Pejabat Kesihatan Daerah Jasin, Melaka

Cik Farah Nadia Binti Abdul Manap
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Pn. Nur Syahrina Binti Ishak
Penolong Pegawai Farmasi (U32)
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

AJK Kerja Publisiti & Multimedia

En. Mohd Ruzaini Bin Marzuki
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

En. Norfahmi Bin Mohd Yusof
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

En. Heygaajivan A/L Kernas
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

En. 'Afif Abdul Fattah Bin Mohd Thani
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

En. Muhammad Zulfadli Bin Hassan
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

AJK Kerja Logistik & Teknikal

En. Abd Kadir Bin Mohid
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

En. Mohd Hazwan Bin Ali
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

En. Norhafidi Bin Nordin
Pembantu Awam (H11)
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

En. Mohd Syafiq Bin Ithnin
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

En. Ahmad Hafizi Bin Noh
Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

AJK Kecil Plenari, Pendaftaran & Penginapan

Pn. Zahrina Binti Abdul Kadir
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pn. Norsuryahani Binti Rahman
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pn. Nancy Loi Tien Fong
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pn. Raudhatun Sa'adiah Binti Ithnin
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

1.2 Ringkasan peranan setiap jawatankuasa dalam pelaksanaan Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019



1.3 Senarai Tugas Setiap Jawatankuasa

JK KERJA PENYELARAS

- Menyelaras dan mengawal urusan peruntukan kewangan.
- Bertanggungjawab menetapkan dan merancang hal-hal berkaitan konsep konvensyen.
- Memantau status pelaksanaan konvensyen dengan semua JK Kerja dari semasa ke semasa
- Mengendali mesyuarat induk bersama wakil-wakil JK Kerja
- Memantau aktiviti promosi berkaitan konvensyen
- Menyelaras kategori-kategori pertandingan yang ditetapkan
- Memantau dan menyelaras keperluan keseluruhan konvensyen

JK KERJA PENGADILAN

- Menyediakan kriteria-kriteria pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan
- Menyediakan dan menguruskan hal-hal berkaitan keperluan pengadil
- Menyenaraikan dan menguruskan keperluan peralatan pengadilan
- Menyelaras dan memantau sesi pengadilan

JK KERJA SAINTIFIK & PERSEMBAHAN

- Menyelaraskan kategori-kategori pertandingan yang akan dipertandingkan
- Menguruskan dan mengendalikan penyertaan peserta bagi setiap kategori.
- Memastikan kriteria pertandingan dipenuhi oleh peserta pertandingan yang dipilih.
- Memastikan segala keperluan peserta yang terpilih disediakan
- Memastikan kelancaran proses pertandingan dan pameran sepanjang konvensyen diadakan
- Membantu dan menyelaras peserta pertandingan

JK KERJA PROTOKOL & HADIAH

- Menetapkan dan menguruskan jemputan tetamu kehormat (VVIP & VIP)
- Menguruskan tetamu kehormat semasa konvensyen berlangsung
- Menyediakan dan merangka keperluan pengaturcaraan konvensyen
- Melantik dan memantau tugas pengacara majlis
- Melantik dan memantau tugas *Floor Management*
- Menyediakan dan mengurus cenderamata kepada semua tetamu konvensyen
- Menyenaraikan dan menyediakan keperluan peralatan dan hadiah
- Bekerjasama dan mengemaskini keperluan semasa bersama JK Kerja yang lain

JK KERJA LOGISTIK & TEKNIKAL

- Menguruskan hal-hal berkaitan lokasi konvensyen
- Mengurus dan mengendalikan peserta.
- Menyenaraikan dan menyediakan semua keperluan logistik
- Berbincang dan bekerjasama dengan pihak pengurusan lokasi konvensyen dan vendor
- Membantu peserta sebelum dan selepas konvensyen diadakan
- Memastikan kelancaran sepanjang konvensyen berlangsung
- Menguruskan dan membuat pengiraan bajet untuk penggunaan logistik

JK KERJA PUBLISITI DAN MULTIMEDIA

- Mewujudkan, memantau dan sentiasa mengemas kini laman web rasmi konvensyen
- Menyediakan lain-lain keperluan publisiti untuk konvensyen
- Membantu dalam memastikan kelancaran semasa konvensyen berlangsung
- Menyediakan keperluan multimedia semasa konvensyen
- Menyediakan sijil dan maklumbalas penilaian

1.4 Agenda Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019

5 OGOS 2019 (ISNIN)	
9.00 – 9.30 Pagi	Pendaftaran (Bengkel Pra-Konvensyen)
	Bengkel <i>TRIZ</i>
	Bengkel Lean
	Bengkel <i>Design Thinking</i>
9.30 – 10.00 Pagi	Minum Pagi
10.00 Pagi – 1.00 Petang	Bengkel Pra-Konvensyen
	Bengkel <i>TRIZ</i>
	Bengkel Lean
	Bengkel <i>Design Thinking</i>
1.00 – 2.00 Petang	Makan Tengah Hari
2.00 – 4.00 Petang	Daftar Masuk & Pendaftaran
	Sesi 1 : Serahan softcopy pembentangan QA Oral, KIK, Inovasi (<i>Final Version</i>)
4.00 – 4.30 Petang	Minum Petang
4.30 – 6.00 Petang	Taklimat Pertandingan kepada Peserta
	Sesi 2 : Serahan softcopy pembentangan QA Oral, KIK, Inovasi (<i>Final Version</i>)
6.00 – 8.00 Petang	Makan Malam
8.00 – 10.00 Malam	Taklimat Pengadil
6 OGOS 2019 (SELASA)	
6.30 – 7.45 Pagi	Sarapan Pagi
7.45 – 8.00 Pagi	Pendaftaran
8.00 – 8.45 Pagi	Plenari 1: <i>Horizon Scanning of Health Technologies</i> Dr Izzuna Mudla Binti Mohamed Ghazali, <i>Health Technology Assessment Section</i> (MahTAS)
9.00 – 11.00 Pagi	Penghakiman Pertandingan (Sesi 1) & Showcase
	QA Oral
	QA Poster (panel) & <i>Showcase</i>
	KIK (Penambahbaikan)
	Inovasi (Produk)
	Inovasi (Teknologi)
	Inovasi (Perkhidmatan)
	Inovasi (Proses)

11.00 – 11.30 Pagi	Minum pagi
11.30 Pagi – 1.00 Petang	Plenari 2: Perkongsian Pengalaman Daripada Pemenang Projek Inovasi Slot 1 : Projek Inovasi Ez Weigh – Pengalaman di Peringkat Antarabangsa Puan Faridah Binti Saidi, Program Perkhidmatan Farmasi (Anugerah Emas <i>International on Quality Control Circles</i> 2018) Slot 2 : Projek Inovasi E-Mix – Cabaran Pengkomersialan Encik Shahir Anuar Bin Shahrani, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Selangor (Tempat Kedua Kategori Inovasi Produk KIKF2017)
1.00 – 2.15 Petang	Makan tengah hari
2.15 – 4.15 Petang	Penghakiman Pertandingan (Sesi 2) & Showcase QA Oral QA Poster (Panel) & <i>Showcase</i> KIK (Penciptaan) Inovasi (Produk) Inovasi (Teknologi) Inovasi (Perkhidmatan) Inovasi (Proses)
4.15 – 4.45 Petang	Minum Petang & Rehat
6.00 – 8.00 Malam	Makan Malam
7 OGOS 2019 (RABU)	
6.30 – 7.45 Pagi	Sarapan Pagi
7.45 – 8.00 Pagi	Pendaftaran
8.00 – 10.25 Pagi	MAJLIS PERASMIAN DAN PENUTUP Ucapan PKPF Penyampaian Anugerah Khas
10.25 – 10.40 Pagi	Minum Pagi
9.00 – 12.40 Tengah hari	Ulasan Pengadil & Penyampaian Cenderahati Penyampaian Hadiah KIKF2019 Sesi Bergambar
12.40 – 1.00 Petang	Daftar Keluar Penurunan <i>Booth</i>
1.00 Tengah Hari	Makan tengah hari

1.5 Garis panduan penyertaan dan pembentangan Projek Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019

Dua garis panduan telah disediakan iaitu:

1. Pertandingan Mencipta Logo Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi (KIKF)
2. Garis Panduan Penyertaan Pertandingan Konvensyen Inovasi Dan Kreativiti Farmasi 2019 (KIKF2019). Garis panduan ini diadaptasi daripada Anugerah Inovasi KKM 2018, Konvensyen QA Kebangsaan Tahun 2019 dan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KKM Tahun 2019.

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO KONVENSYEN INOVASI DAN KREATIVITI FARMASI (KIKF)

Objektif pertandingan ini adalah untuk menghasilkan logo bagi KIKF beserta hak eksklusif ciptaan logo tersebut. Logo yang dipilih akan diguna pakai sebagai logo rasmi dalam segala urusan berkaitan KIKF.

BUTIRAN PERTANDINGAN

1. Syarat-syarat pertandingan

1.1 Penyertaan

Penyertaan adalah terbuka kepada semua anggota Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Setiap Bahagian/negeri/institusi wajib mengemukakan sekurang-kurangnya **satu penyertaan**. Namun begitu, penghantaran lebih daripada satu penyertaan dari setiap Bahagian/negeri/institusi amatlah di alu-alukan.

1.2 Reka Bentuk Logo

- Reka bentuk mestilah **baru dan asli**;
- Tidak melebihi **tiga (3) jenis warna**;
- Saiz logo mestilah **bersaiz A4**;
- Logo mestilah mempunyai;
 - Identiti dan imej korporat,
 - menggambarkan **pembudayaan inovasi dan kreativiti di kalangan warga Farmasi** dalam memberi **curahan idea** bagi menyumbang kepada **peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan Farmasi**;
- Reka bentuk logo hendaklah dihasilkan dengan menggunakan **perisian Grafik**. Contoh: *Adobe Illustrator, Corel Draw* dan sebagainya;
- Penyertaan hendaklah dikemukakan dengan **salinan asal softcopy**;
- Penerangan maksud setiap warna dan bentuk yang digunakan **MESTILAH** dinyatakan dengan jelas.

2. Penilaian Logo

- i. Penilaian akan dibuat melalui penelitian terhadap reka bentuk logo dan juga kriteria yang telah dinyatakan dalam Para 1.2 Reka Bentuk Logo.
- ii. Semua penyertaan tertakluk kepada peraturan dan keputusan adalah **MUKTAMAD**.

3. Hadiah Pertandingan

Hanya satu (1) reka bentuk logo akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini. Pemenang akan menerima wang tunai sebanyak RM 100 berserta sijil penghargaan.

4. Borang Penyertaan

- i. Setiap peserta hendaklah mengisi Borang Penyertaan yang disediakan seperti di **Lampiran B**.
- ii. Penyertaan hendaklah dibuat dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* mengikut alamat yang telah dinyatakan sebelum atau pada **21 Januari 2019 (Isnin)**.

5. Urus Setia

Sebarang pertanyaan boleh hubungi urus setia berikut;

- i. Puan Yeap Hui Bing,
Ketua Penolong Pengarah
Emel: yh.bing@moh.gov.my
No. Tel: 03-7841 3680
- ii. Puan Khazira Binti Khalid
Penolong Pengarah Kanan
Emel: khazira@moh.gov.my
No. Tel: 03-7841 3268

GARIS PANDUAN PENYERTAAN PERTANDINGAN KONVENSYEN INOVASI DAN KREATIVITI FARMASI 2019 (KIKF2019)

1. Syarat-syarat penyertaan

- 1.1. Penyertaan konvensyen ini terbuka kepada semua warga Farmasi, KKM di seluruh Malaysia.
- 1.2. Setiap Bahagian/Negeri/Institusi dikehendaki menghantar sekurang-kurangnya satu projek kualiti bagi setiap kategori pertandingan. Penyertaan lebih dari satu projek kualiti adalah sangat dialu-alukan.
- 1.3. Projek yang menyertai pertandingan perlulah **tidak kurang 6 bulan** daripada tarikh tutup penyertaan dan **tidak melebihi 3 tahun** dari tarikh ia diperkenalkan.
- 1.4. Bagi kategori KIK, **produk yang dihasilkan** mestilah telah **digunakan tidak kurang 3 bulan** daripada tarikh tutup penyertaan.
- 1.5. Projek yang dihasilkan **BELUM PERNAH DIPERSEMBAHKAN** di mana-mana pertandingan di peringkat KKM atau antarabangsa atau setaraf dengannya.
- 1.6. Semua projek yang dipertandingkan mestilah projek berkaitan perkhidmatan farmasi tetapi keahlian boleh terdiri daripada pelbagai unit / disiplin.
- 1.7. Permohonan yang diterima akan disaring dan dipilih oleh barisan panel yang dilantik oleh Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 1.8. Keputusan pemilihan projek yang layak menyertai konvensyen adalah MUKTAMAD.

2. Kaedah penyertaan

- 2.1. Penyertaan atas talian akan bermula **22 Februari 2019 sehingga 15 April 2019**. Semua projek yang terpilih akan dimaklumkan oleh Jawatankuasa Kerja Penyelaras KIKF2019 sebelum atau pada **27 Mei 2019**.
- 2.2. Borang Penyertaan (Lampiran A) dan template abstrak dan ringkasan eksekutif boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi KIKF (kikf.pharmacy.gov.my).

2.3. Borang penyertaan hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Ketua Jabatan.

2.4. Bagi abstrak dan ringkasan eksekutif :

2.4.1. Mengikut kategori yang dipertandingkan (**Lampiran B**)

2.4.2. Abstrak hendaklah ditulis **tidak melebihi** 400 patah perkataan.

2.4.3. Ringkasan eksekutif hendaklah ditulis **tidak melebihi** 1200 patah perkataan. Ini tidak termasuk lampiran jadual/gambar. Lampiran tersebut dihadkan kepada 2 muka surat sahaja.

2.4.4. Abstrak dan ringkasan eksekutif perlu ditulis sama ada dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia bagi projek QA. Manakala Projek KIK dan Inovasi dalam Bahasa Malaysia sahaja.

2.4.5. Abstrak dan ringkasan eksekutif yang dimuat naik perlu dalam format Microsoft Word versi 2010 atau 2013.

2.4.6. Abstrak dan ringkasan eksekutif hendaklah ditaip menggunakan jenis tulis Arial saiz 12 secara selang baris 1.5.

2.4.7. Nama pembentang perlulah digariskan.

2.5. Borang penyertaan, abstrak dan ringkasan eksekutif perlu dimuat naik ke laman sesawang rasmi sebelum atau pada **15 April 2019**.

2.6. Bagi **kategori QA**, peserta boleh memilih untuk membuat persembahan secara oral atau poster.

2.7. Selaras dengan pelaksanaan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil.1 Tahun 2016, **persembahan bagi kategori KIK dan Inovasi dibuat secara oral**.

2.8. Bagi **kategori KIK dan Inovasi produk**, penyertaan yang dipilih masuk ke peringkat akhir perlu menyediakan *market place poster*.

2.9. Projek yang terpilih perlu muat naik salinan *soft copy laporan penuh* dan *soft copy poster* (QA Poster dan *market place poster* projek KIK dan Inovasi Produk) YANG MUKTAMAD dalam format .ppt dan .pdf di laman sesawang rasmi kikf.pharmacy.gov.my dan menghantar empat (4) salinan laporan projek dalam bentuk *hardcopy* kepada Urus Setia Konvensyen Inovasi & Kreativiti (KIKF) 2019, Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (u.p Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi) sebelum atau pada **12.00 tengah hari 8 Julai 2019**. SEBARANG PERUBAHAN ADALAH TIDAK DIBENARKAN setelah *soft copy poster* dimuat naik.

3. Persembahan kategori yang dipertandingkan

3.1. Hanya satu pembentang sahaja dibenarkan bagi setiap kategori.

(Slaid Penuh: **Lampiran E**)

Pengenalan

1. Lean adalah satu kaedah penambahbaikan secara berterusan (*Kaizen*) yang boleh digunakan oleh sesebuah organisasi dalam menambah baik produk, perkhidmatan atau proses kerja
2. Lean menggunakan prinsip dan kaedah yang memberi fokus kepada penghapusan aktiviti "*non-value added*" di dalam proses yang boleh menyebabkan pembaziran (*waste*) bagi memuaskan kehendak dan keperluan dengan meningkatkan produktiviti dan kualiti.
3. Lima (5) prinsip Lean
 - i. *Specify Value*
 - ii. *Identify the value stream*
 - iii. *Create Flow*
 - iv. *Establish Pull*
 - v. *Seek Perfection/ Continuous improvement*

2.3.3 Bengkel *Design Thinking* (DT)

Puan Shahidah Binti Sulong

Pegawai Tadbir Latihan

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Timur (INTIM)

(Slaid Penuh: **Lampiran F**)

Pengenalan

1. *Design thinking* merujuk kepada cara pemikiran dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan.
2. Menggunakan konsep '*you never know until you've walked in their shoes*', *Design Thinking* memberi fokus kepada penyelesaian masalah dengan meletakkan diri anda sebagai *end user* atau pengguna.
3. 5 fasa dalam proses *Design Thinking*;
 - i. Empati (*Empathy*)
 - ii. Kenali masalah (*Define the problem*)
 - iii. Pembetulan idea (*Ideate*)
 - iv. Prototaip (*Prototype*)
 - v. Fasa Percubaaan (*Test*)

2.4 Senarai Pemenang dan Anugerah Khas

Pertandingan Mereka Logo KIKF2019

NAMA PEMENANG	FASILITI	HADIAH
Muhammad Ihsan Bin Norkhair	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, IPKKM	RM500

Kategori Inovasi Proses

	TAJUK PROJEK	FASILITI	HADIAH
Johan	<i>Rail Ur Medicine</i>	Pejabat Kesihatan Daerah Kinta, Perak	RM3000
Naib Johan	<i>Malaright Label</i>	Hospital Tawau, Sabah	RM2000
Tempat Ketiga	Pembekal Gas Berkualiti	Pejabat Farmasi Bahagian Sarikei, Sarawak	RM1000

Kategori Inovasi Perkhidmatan

	TAJUK PROJEK	FASILITI	HADIAH
Johan	<i>Meds2home</i>	Hospital Changkat Melintang, Perak	RM3000
Naib Johan	Farmasi Secara Temujanji (FaST2u)	Cawangan Amalan & Perkembangan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Melaka	RM2000
Tempat Ketiga	<i>Pharmfair</i>	Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Nerus, Terengganu	RM1000

Kategori Inovasi Produk

	TAJUK PROJEK	FASILITI	HADIAH
Johan	<i>Medi-Kit</i>	Hospital Segamat, Johor	RM3000
Naib Johan	<i>Label ABC</i>	Pejabat Kesihatan Daerah Perak Tengah, Perak	RM2000
Tempat Ketiga	<i>Smadic (Smart Display Cart)</i>	Pejabat Kesihatan Daerah Mersing, Johor	RM1000

Kategori Inovasi Teknologi

	TAJUK PROJEK	FASILITI	HADIAH
Johan	Sistem Pengurusan Pendaftaran Ahli Farmasi (PRISMA)	Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi / Lembaga Farmasi Malaysia , IPKKM	RM3000
Naib Johan	<i>Haemophilia Pal App</i>	Hospital Ampang, Selangor	RM2000
Tempat Ketiga	<i>Antimicrobial Stewardship Database (AMD)</i>	Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang	RM1000

Kategori KIK Penambahbaikan

	TAJUK PROJEK	FASILITI	HADIAH
Johan	<i>Pharmacy Integrated Community Care (PICC)</i>	Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Nerus, Terengganu	RM3000
Naib Johan	Meningkatkan Penjimatan Ubat Pesakit Kronik di PKD Kemaman	Pejabat Kesihatan Daerah Kemaman, Terengganu	RM2000
Tempat Ketiga	<i>Transit Med-Kit</i>	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Negeri Sembilan	RM1000

Kategori KIK Penciptaan

	TAJUK PROJEK	FASILITI	HADIAH
Johan	<i>C-Crush</i>	Hospital Kuala Krai, Kelantan	RM3000
Naib Johan	Perlaksanaan Pengurusan Pembekalan Ubat Yang Efektif Kepada Pesakit Discaj di Wad	Hospital Serdang, Selangor	RM2000
Tempat Ketiga	<i>I-Box</i>	Hospital Melaka, Melaka	RM1000

Kategori QA Oral

	TAJUK PROJEK	FASILITI	HADIAH
Johan	<i>Reducing Medication Omission Error (MOE) In Yellow Zone (YZ) Emergency Department (ED) Hospital Serdang</i>	Hospital Serdang, Selangor	RM3000
Naib Johan	<i>Improving Appropriateness of Injectable Antibiotics Dilution And Administration in Multidisciplinary Wards Hospital Tanjong Karang</i>	Hospital Tanjong Karang, Selangor	RM2000
Tempat Ketiga	<i>Improving the Prescribers' Ordering of Chemotherapy in Surgical Department, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh</i>	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak	RM1000

Kategori QA Poster

	TAJUK PROJEK	FASILITI	HADIAH
Johan	Meningkatkan peratus pesakit bebas dadah rekreasi di kalangan pesakit methadone di Klinik Kesihatan Larkin	Klinik Kesihatan Larkin, Johor	RM3000
Naib Johan	Meningkatkan peratus kepatuhan pesakit antenatal dalam pengambilan zat besi di Klinik Kesihatan Daerah Kota Bharu	Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu, Kelantan	RM2000
Tempat Ketiga	<i>Reducing percentage of polypharmacy error (PE) among patients with multiple follow ups in Outpatient Pharmacy Department (OPD) Hospital Banting</i>	Hospital Banting, Selangor	RM1000

ANUGERAH KHAS BAHAGIAN AMALAN & PERKEMBANGAN FARMASI

1. Anugerah Perkhidmatan Kaunseling Ubat-Ubatan Di Fasiliti Kesihatan KKM

	FASILITI	HADIAH
Johan	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan	RM1500
Naib Johan	Hospital Sultan Ismail, Johor	RM1250
Tempat Ketiga	Hospital Putrajaya	RM1000

2. Anugerah Inisiatif Program Duta Prihatin Masyarakat

	FASILITI	HADIAH
Johan	Komuniti Daerah Pasir Puteh, Kelantan (Hospital Tengku Anis)	RM1500
Naib Johan	Komuniti Kuala Langat, Selangor (PKD Kuala Langat)	RM1250
Tempat Ketiga	Komuniti Rumah Benjamin Angki, Kanowit, Sarawak (Hospital Sibul)	RM1000

3. Anugerah Pengurusan Inventori Terbaik

	FASILITI	HADIAH
Johan	PKD Kota Setar, Kedah	RM1500
Naib Johan	PKD Kemaman, Terengganu	RM1250
Tempat Ketiga	Hospital Bentong, Pahang	RM1000

ANUGERAH KHAS BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI

1. Anugerah Penyaringan Iklan Penguatkuasaan Farmasi (MAdSA)

	FASILITI	HADIAH
Johan	CPF JOHOR	RM1500
Naib Johan	CPF TERENGGANU	RM1250
Tempat Ketiga	CPF KUALA LUMPUR	RM1000

2. Anugerah Perisikan Taktikal Penguatkuasaan Farmasi

	FASILITI	HADIAH
Johan	CPF PULAU PINANG	RM1500
Naib Johan	CPF KELANTAN	RM1250
Tempat Ketiga	CPF TERENGGANU	RM1000

3. Anugerah Pemeriksaan Premis Berlesen Penguatkuasaan Farmasi (MaLPI)

	FASILITI	HADIAH
Johan	CPF PULAU PINANG	RM1500
Naib Johan	CPF JOHOR	RM1250
Tempat Ketiga	CPF MELAKA	RM1000

PEMENANG KESELURUHAN KIKF 2019 (PIALA PUSINGAN)





BAB 3

PASCA KONVENSYEN

3.1 Mesyuarat Post-Mortem Penganjuran KIKF2019

Tarikh mesyuarat : 30 Ogos 2019 (Jumaat)

Masa : 8.30 pagi – 12.30 tengah hari

Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Program Perkhidmatan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengerusi : Dr Hasenah Binti Ali,
Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

Mesyuarat pasca KIKF ini diadakan dengan tujuan membincangkan semua isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang penganjuran konvensyen bagi membolehkan penambahbaikan berterusan dilaksanakan pada konvensyen yang akan datang.

Berdasarkan maklum balas daripada delegasi, pengalaman mereka sepanjang penganjuran konvensyen adalah memuaskan dan masih terdapat ruang untuk penambahbaikan.

Keseluruhan : Memuaskan dan masih ada ruang penambahbaikan

Keseluruhan bagi program kikf, **pengurusan program adalah sangat memberangsangkan** dan terima kasih kepada setiap urusetia atas panduan dan bantuan yang diberikan.

ID 19080445

Syabas kepada pihak penganjur yang telah bertungkus lumus menjayakan konvensyen ini. Ianya menjadi **platform perkongsian idea** yang baik untuk diperluaskan di peringkat fasiliti bagi sesetengah hasil inovasi yang bersesuaian dengan situasi/ keperluan fasiliti.

ID 19080295

Konvensyen ini sangat baik dan memberikan **perkongsian pengalaman** kepada anggota farmasi khususnya untuk berfikir lebih kreatif agar menghasilkan perkhidmatan yang lebih cemerlang.

ID 19080592

Keseluruhan perjalanan kursus sangat baik dan berjalan lancar kerana urus setia dan peserta menjalankan tugas dan peranan dengan baik. **Pemilihan topik dan penceramah** amat tepat, **bersesuaian** dan ilmu-ilmu yang disampaikan semasa bengkel dan konvensyen mempunyai hubungkait dengan tema KIKF "Memacu Kelestarian Inovasi"

ID 19080428

KIKF is a great chance for us to **open up** ourselves with **new ideas and creations**

ID 19080247

Overall i have a **very good exposure** in this field and I'm looking forward to join the next KIK convention.

ID 19080196

3.1.1 Isu dan Cabaran serta Tindakan Penambahbaikan

BIL.	ISU DAN CABARAN	TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN
1.	<i>Term of Reference</i> (TOR) Jawatankuasa (JK) Penganjur KIKF	- Mewujudkan satu jawatan setiausaha sebagai pemegang <i>master</i> dokumen, urusetia mesyuarat dan menguruskan surat-menyurat. - Penambahan butiran Jawatankuasa Kecil (JKK) Plenari seperti mengendalikan urusan penyediaan <i>honorarium</i> penceramah, merancang sesi penyampaian cenderamata penceramah dan memberi input latar belakang penceramah serta kerjasama dengan JKK Protokol & Hadiah (pengacara majlis). - Butiran “menyediakan senarai penuh projek yang dipertandingkan mengikut kategori dan dipaparkan di luar <i>breakout room</i>” ditambah ke dalam TOR JKK Saintifik & Persembahan. - TOR Anugerah Khas perlu disediakan bagi memastikan keperluan seperti penerangan latar belakang anugerah, penyerahan keputusan pertandingan dan penyediaan sijil diambil maklum oleh Bahagian berkenaan. - Perlu dinyatakan dengan jelas dalam TOR JKK Publisiti & Multimedia seperti melatih urus setia lain menggunakan sistem dalam portal atau peranti yang berkaitan yang digunakan untuk sistem pendaftaran dan penggunaan <i>barcode</i>.
2.	JKK Pengadil	- Menyediakan satu <i>folder</i> senarai pegawai yang layak atau diiktiraf sebagai pengadil sebagai rujukan dan memudahkan proses pelantikan panel juri. - Penyediaan template rumusan pemarkahan untuk pengadil. - Pemakluman kepada peserta untuk mematuhi tarikh akhir penghantaran laporan penuh projek. Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan jika laporan penuh tidak diterima pada tarikh tutup selepas peringatan diberikan. - Dua projek perlu dipilih sebagai back up sekiranya terdapat projek yang menarik diri atau dibatalkan penyertaan. - Seorang AJK Pengadil perlu turut hadir semasa proses <i>check in</i> bagi menyambut pengadil yang datang awal atau di luar jangkaan.
3.	JKK Saintifik & Persembahan	- Satu format penghantaran laporan penuh yang selari dengan imej Jabatan perlu diwujudkan. - Bagi penganjuran akan datang, penghantaran abstrak untuk saringan memerlukan peserta menaip abstrak di laman sesawang konvensyen mengikut format dan template yang disediakan. Tiada lagi fungsi paper submission bagi mengelakkan pertindihan format abstrak yang dihantar.

BIL.	ISU DAN CABARAN	TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN
4.	JKK Hadiah & Protokol	- Sijil <i>hardcopy</i> hanya perlu diberikan kepada penceramah dan pengadil. - Sijil pra-cetak yang kosong mengikut kategori boleh diberikan kepada pemenang dalam penganjuran konvensyen yang akan datang. - Sekurang-kurangnya 3 pengacara majlis diperlukan untuk konvensyen. Disarankan 2 pengacara utama dan seorang dari tuan rumah.
5.	JKK Logistik & Teknikal	- Untuk penganjuran akan datang, urus setia perlu ditugaskan dan bersedia menyambut VVIP di hotel. - Paparan <i>signage</i> dan <i>floor plan</i> yang jelas perlu disediakan untuk makluman delegasi konvensyen. - Seorang AJK Teknikal perlu ditempatkan di setiap <i>breakout room</i>. Bilangan AJK yang bertugas perlu dipastikan mencukupi untuk memenuhi tugas teknikal dan logistik semasa hari konvensyen.
6.	JKK Publisiti & Multimedia	- Penggunaan myCPD 2.0 sepenuhnya untuk tuntutan mata CPD boleh diguna pakai untuk urus setia konvensyen sebelum dipanjangkan kepada delegasi konvensyen. Ini kerana tuntutan mata sepenuhnya bergantung kepada kestabilan aliran kerja system myCPD. - Kaedah e-sijil boleh diteruskan untuk penganjuran konvensyen akan datang - Isi kandungan publisiti perlu disediakan dan diselaraskan oleh JKK Penyelaras bagi memastikan kandungan berkualiti serta merangkumi input dari semua jawatankuasa. <i>Slideshow</i> gambar sepanjang konvensyen boleh dimainkan untuk menggantikan tayangan multimedia.
7.	Keperluan teknikal	- Semakan awal ke atas peralatan hotel dan penganjur perlu dibuat agar masalah peralatan teknikal dapat dikenal pasti awal. - Peralatan asas dan spesifikasi perisian untuk pembentangan perlu dimaklumkan kepada peserta pertandingan untuk memastikan slide atau video pembentangan adalah compatible. - Keperluan portable speaker perlu dimaklumkan kepada peserta yang mempunyai video untuk ditayangkan. Keperluan ini perlu diambilkira oleh pihak penganjur. - Sistem pendaftaran yang dibangunkan boleh dikembangkan dengan menggabungkan beberapa fungsi lain menjadi satu sistem yang lebih menyeluruh bagi penganjuran sesuatu konvensyen/ majlis rasmi itu. - Pancaran slide bendera dicadangkan digantikan dengan nama dan ringkasan projek yang menang atau menerima anugerah kerana lagu latar negeri sudah memadai semasa penyampaian hadiah.


BIL.	ISU DAN CABARAN	TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN
8.	Keperluan peralatan	- Mewujudkan satu senarai semak keperluan peralatan mengikut jawatankuasa supaya keperluan dibawa dengan lengkap ke lokasi konvensyen. <i>Back up microphone</i> perlu dimasukkan ke dalam senarai peralatan. - Dua set kit audio visual yang mengandungi kabel <i>VGA, HDMI, splitter, switcher, converter, audio</i> dan sebagainya perlu diperoleh/disediakan untuk kegunaan majlis rasmi.
9.	Lokasi	- Lawatan tapak konvensyen perlu dibuat sekurang-kurangnya 2 kali iaitu semasa pemilihan lokasi dan sekurang-kurangnya 1 kali sebelum konvensyen. - Lawatan tapak ini perlu disertai oleh JKK Penyelaras, JKK Hadiah & Protokol, JKK Saintifik & Persembahan, JKK Teknikal & Logisitk, tuan rumah dan <i>event manager</i> bagi memastikan kelancaran konvensyen. - Penglibatan tuan rumah dalam penganjuran konvensyen boleh diperkasakan seperti lebih banyak AJK bertugas untuk fotografi dilantik dari tuan rumah. - Pemilihan lokasi boleh ditambah baik dengan mendapatkan pendapat atau pandangan dari BPF negeri sebelum dimuktamadkan.
10.	Perjalanan konvensyen	- Perancangan dan pemantauan yang lebih oleh <i>event manager</i> perlu ditambahbaik dan pihak hotel perlu dimaklumkan sekiranya terdapat perubahan aturcara agar penyediaan makanan dapat dilaksanakan selari dengan aturcara baharu. - Kekurangan disiplin dikalangan delegasi yang berlengah masuk. <i>Showcase</i> boleh terus diadakan sebagai satu kaedah perkongsian hasil inovasi yang diiktiraf. Ini merupakan salah satu cara penghargaan kepada anggota farmasi. - Cadangan penyertaan konvensyen melalui media sosial seperti <i>Facebook</i> bagi sesi plenari atau pertandingan boleh dikaji dalam penganjuran konvensyen akan datang. - Satu direktori senarai projek mengikut turutan pembentangan, diperincikan masa dan lokasi disediakan bagi memudahkan pergerakan delegasi.
11.	Laman sesawang / aplikasi rasmi konvensyen	- Kebanyakan delegasi tidak mahir menggunakan laman sesawang / aplikasi. Cara penggunaan perlu dipamerkan atau dimaklumkan sepanjang konvensyen. - Penyusunan layout dan informasi dalam laman sesawang boleh ditambah baik untuk meningkatkan <i>user experience</i>.

BIL.	ISU DAN CABARAN	TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN
12.	Pertandingan	• <i>Breakout room</i> dengan layout <i>classroom</i> lebih sesuai dipilih untuk pembentangan projek inovasi berbanding layout auditorium. • Keberhasilan projek perlu dimantapkan dengan data-data yang matang (<i>matured data</i>), sampel yang lebih besar dan bukti-bukti lain. • Para pengadil menyarankan lebih banyak projek kolaborasi dengan disiplin atau agensi lain dijalankan. • Penelitian diperlukan bagi keselamatan data yang melibatkan data pesakit bersifat sensitif dimuatnaik dalam projek ICT atau platform yang kurang selamat. • Para juri perlu diberi taklimat mengenai kriteria pemilihan projek dalam aspek keselamatan data dalam projek ICT agar mempunyai kefahaman yang sama. • Format pembentangan perlu dikaji semula untuk setiap kategori supaya satu standard minima dicapai. • Penganjur perlu memaklumkan kriteria terkini dan pekeliling semasa yang berkaitan yang perlu dipatuhi oleh peserta. • Persembahan inovasi dan KIK secara tertutup perlu dipertimbangkan bagi tujuan perlindungan harta intelek. • Penegasan masa yang ditetapkan perlu dibuat oleh penjaga masa.
13.	Bengkel Pra-konvensyen	• Kebanyakan maklum balas diterima adalah positif dan memohon masa yang lebih panjang bagi setiap topik. Bengkel yang lebih terperinci boleh diadakan bagi melatih lebih banyak <i>champion</i>.
14.	Sesi Plenari	• Sesi plenari boleh ditambahbaik dengan mempelbagaikan perkongsian kejayaan fasiliti yang telah melaksanakan Lean, <i>TRIZ</i> dan sebagainya.
15.	Pendaftaran	• Cadangan pendaftaran melalui laman sesawang <i>Do-It-Yourself</i> (DIY) oleh peserta delegasi boleh dipertimbangkan dalam penganjuran konvensyen akan datang. Peserta hanya perlu membawa bukti kehadiran (QR Code) untuk diimbas semasa pendaftaran. Kaunter hanya dibuka untuk pendaftaran kes-kes tertentu.
16.	Peruntukan konvensyen	• Mempertimbangkan keperluan tanggungan ke atas TPKNF dan Pengarah-Pengarah pada penganjuran akan datang. • Kesesuaian penyediaan makan malam perlu dikaji semula bergantung kepada lokasi yang dipilih. Jika tiada aktiviti pada sebelah malam, makan malam tidak perlu ditanggung oleh penganjur.

3.1.2 Analisa Borang Penilaian Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019

Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019 (KIKF2019) telah dihadiri oleh 449 orang yang terdiri dari pembentang, ahli kumpulan dan delegasi dari seluruh negara. Didapati 60.80% daripada penyertaan adalah Pegawai Farmasi gred 44 dan 48. Rajah 1 menunjukkan perincian penyertaan konvensyen kali ini.

Rajah 1: Graf bilangan peserta menghadiri KIKF2019 mengikut gred jawatan




Penilaian Kursus Jangka Pendek (Dalam Dan Luar Negara) Kementerian Kesihatan Malaysia telah digunakan bagi mendapatkan maklum balas penganjuran KIKF2019 dan diedarkan secara atas talian kepada semua penyertaan. Skala likert 1 hingga 6 digunakan dengan skala 1 menggambarkan sangat tidak setuju dan 6 sebagai sangat bersetuju. Kadar respons yang diperolehi adalah sebanyak 68.6%.


Rajah 2 menunjukkan 92.20% dari respons yang diterima sangat bersetuju bahawa objektif penganjuran KIKF2019 kali ini tercapai dengan penglibatan peserta yang memuaskan sebanyak 81.49%. Seperti sedia maklum, pengisian konvensyen kali ini merangkumi tiga kaedah iaitu bengkel pra konvensyen, sesi plenari dan perkongsian secara showcase. Berdasarkan respons yang diterima, 84.42% sangat bersetuju dengan pengisian yang dijalankan bagi keseluruhan (Rajah 3).

Respons sangat bersetuju yang diterima bagi objektif bengkel pra-konvensyen dicapai adalah antara 56.25% sehingga 92.81% mengikut topik yang disertai (Rajah 4). Manakala bagi sesi plenari, respons sangat setuju yang diterima antara 69.44% sehingga 70.20% mengikut topik yang ditetapkan (Rajah 5). Ini dapat dijelaskan dan dikaitkan dengan respons yang diterima bagi elemen suasana yang kondusif (78.30%), fasiliti yang kondusif (81.64%) dan kemudahan IT disediakan (81.46%). Penilaian yang diterima ini membuktikan masih terdapat ruang penambahbaikan bagi pemilihan topik dan kaedah pelaksanaan pengisian agar bersesuaian dengan lokasi konvensyen yang dipilih.


Rajah 2: Penilaian secara keseluruhan penganjuran KIKF2019
Skala: 1 = sangat tidak bersetuju sehingga 6 = Sangat bersetuju




Rajah 3: Pengisian konvensyen secara keseluruhan
Skala: 1 = sangat tidak bersetuju sehingga 6 = Sangat bersetuju



Rajah 4: Pengisian bengkel pra-konvensyen
Skala: 1 = sangat tidak bersetuju sehingga 6 = Sangat bersetuju



Rajah 5: Pengisian sesi plenari KIKF2019
Skala: 1 = sangat tidak bersetuju sehingga 6 = Sangat bersetuju



3.2 Belanjanawan Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019

BIL	PERKARA	BIL. HARI	KUANTITI	NAMA SYARIKAT	JUMLAH (RM)
1.0 PENGINAPAN & MAKAN MINUM (KONVENSYEN)					
1.1	Pakej Penginapan bagi Perasmi - <i>Single Room (Executive)</i>	1	1	Berjaya Waterfront Hotel	
1.2	Pakej Penginapan bagi Hakim & Tetamu Kehormat - <i>Single Room</i>	2	52		
1.3	Pakej Penginapan bagi Peserta Pertandingan & JK KIKF2019 - <i>Twin Sharing</i>	2	204		
1.4	Pakej Penginapan bagi Peserta Pertandingan (Kumpulan Sokongan) - <i>Triple Sharing</i>	2	15		
1.5	Makan & Minum bagi Tetamu Kehormat (Tidak Menginap)	2	1		
1.6	Makan & Minum bagi Tetamu Kehormat (Tidak Menginap)	1	6		
1.7	<i>Breakout Room</i>	2	5		
Jumlah Keseluruhan (RM)					99,965.00
2.0 PENGINAPAN & MAKAN MINUM (PRA-KONVENSYEN)					
2.1	Pakej Penginapan bagi Penceramah Bengkel – <i>Single Room</i>	1	2	Berjaya Waterfront Hotel	
2.2	Pakej Penginapan bagi JK KIKF2019 – <i>Twin Room</i>	1	8		
2.3	Makan & Minum bagi Peserta Bengkel	1	175		
2.4	<i>Breakout Room</i>	1	2		
2.5	Ballroom	1	1		
Jumlah Keseluruhan (RM)					6,920.00
3.0 HADIAH					
3.1	Tempat Pertama		8		24,000.00
3.2	Tempat Kedua		8		16,000.00
3.3	Tempat Ketiga		8		8,000.00
3.4	Pertandingan Logo		1		500.00
3.5	Piala Pemenang (Tempat Pertama Sahaja)		8	Inspire Crystal Marketing Sdn. Bhd.	1,200.00
Jumlah Keseluruhan (RM)					49,700.00

BIL	PERKARA	BIL. HARI	KUANTITI	NAMA SYARIKAT	JUMLAH (RM)
4.0 PENCERAMAH DAN PENGADIL					
4.1	Tuntutan Penceramah		6 orang		1,880.00
4.2	Tuntutan Pengadil		21 orang		2,800.00
4.3	Tuntutan Perjalanan (Pengadil & Penceramah)		23 orang		6,893.86
4.4	Cenderahati		28	Trio Master Legacy Sdn. Bhd	1,036.00
Jumlah Keseluruhan (RM)					12,609.86
5.0 PERCETAKAN					
5.1	Bunting		4	Print Expert Sdn. Bhd.	251.20
5.2	Mock Cheque		43	Trio Master Legacy Sdn. Bhd.	946.00
Jumlah Keseluruhan (RM)					1,197.20
6.0 SEWAAN					
6.1	Board Panel & Spotlight	2	8	Idea Tent Services (ITS)	720.00
6.2	Panel Scheme & Meja (Showcase)	2	5		1,500.00
6.3	Distribution board	2	1		300.00
6.4	Pemasangan/ Pengangkutan	2			1,800.00
6.5	Standby Crew Teknikal	2	3 orang		450.00
6.6	LCD Stand	2	1		100.00
Jumlah Keseluruhan (RM)					4,870.00
PERUNTUKAN (RM)					210,000.00
PERBELANJAAN (RM)					175,262.06
BAKI (RM)					34,737.94

3.3 Cadangan Replikasi atau Perkongsian

Jawatankuasa Kecil Saintifik dan Persembahan telah memberikan cadangan untuk tujuan replikasi atau perkongsian seperti berikut:

1. INOVASI

Inovasi Perkhidmatan	1. <i>RxDelivery 2U</i> 2. <i>Pharmfair</i> 3. <i>Home Medication Review Methadone (HMR-M)</i>
Inovasi Produk	1. <i>Mybook</i> 2. <i>Smart Display Cart (SmaDiC)</i> 3. <i>Convenience Box CDR</i>
Inovasi Proses	1. Sistem Pelaporan Atas Talian (SPATA) 2. <i>Integrated Data Quality Use Of Medicine For Consumers (IDQUMC)</i>
Inovasi Teknologi	1. Sistem Pengurusan Pendaftaran Ahli Farmasi (PRISMA) 2. <i>My Inotrope PRO</i> 3. <i>Smart, Ironman dan Haemophilia Pal Apps</i> untuk dihybrid & digabungkan di bawah unit JKK ICT, BPF. 4. <i>EzVAS</i> 5. <i>Antimicrobial Stewardship Database (AMD)</i>

2. KIK

KIK Penciptaan	1. Perlaksanaan Pengurusan Pembekalan Ubat yang efektif kepada pesakit Discaj di Wad (<i>Biddy Buddy Bag</i>) 2. <i>IBOX</i>
KIK Penambahbaikan	1. <i>Pharmacy Integrated Community Care (PICC)</i> 2. <i>Transit Med-Kit</i>

3. QA

QA Oral	1. <i>Improving the Appropriate Use of Proton Pump Inhibitors (PPI) among patients in Primary Care Setting, Pejabat Kesihatan Daerah Klang</i> 2. <i>Reducing Percentage of Medication Error in Patients with Enteral Feeding Tube at HTJS</i> 3. <i>Reducing Medication Omission Error (MOE) in Yellow Zone (YZ) Emergency Department (ED) Hospital Serdang</i> 4. <i>Improving Appropriateness of Injectable Antibiotics Dilution and Administration in Multidisciplinary Wards Hospital Tanjong Karang</i>
QA Poster	1. <i>Improving appropriateness of carbapenem prescribed in Hospital Serdang</i> 2. <i>Reducing Percentage of Polypharmacy Error Among Patients With Multiple Follow Ups in Outpatient Pharmacy Department (OPD) Hospital Banting (HB)</i> 3. Meningkatkan Peratus Pesakit Bebas Dadah Rekreasi Di Kalangan Pesakit Methadone Klinik Kesihatan Larkin

Warna Warni

**KONVENSYEN INOVASI DAN
KREATIVITI FARMASI 2019**

Bengkel *Design Thinking*



Bengkel LEAN



Bengkel TRIZ





Taklimat Peserta Konvensyen

oleh JKK Saintifik dan Persembahan



Taklimat Pengadil

oleh JKK Pengadilan



Pendaftaran



Sesi Penjurian

(Inovasi Perkhidmatan, Teknologi dan Proses)





Sesi Penjurian (KIK dan Inovasi Produk)



Sesi Penjurian (QA Oral dan Poster)



Sesi Plenari



Showcase dan Pameran Poster



oleh YBrs. Dr. Ramli Bin Zainal, Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi



Penyampaian Cenderahati kepada Barisan Pengadil



Penyampaian Hadiah kepada Para Pemenang



Penyampaian Hadiah kepada Para Pemenang



Jawatankuasa Kerja

Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019 (KIKF2019)



Jawatankuasa Kerja

Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019 (KIKF2019)



Jawatankuasa Kerja Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019 (KIKF2019)





LAMPIRAN

Teks Ucapan Perasmian Penutupan

LAMPIRAN 1

Tarikh : 7 Ogos 2019 (Rabu)

Masa : 8.00 pagi

**Dirasmikan dan ditutup oleh : YBrs. Dr. Ramli Bin Zainal,
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera
Terima kasih saudara/ saudari Pengacara Majlis.

(Salutasi)

Yang Berusaha
Encik Tan Ann Ling
Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Yang Berusaha
Dr. Hasenah binti Ali
Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi
selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi 2019

Yang Berusaha
Puan Salwati binti Abd Kadir
Yang Menanggung Tugas Pengarah Lembaga Farmasi Malaysia

Semua Timbalan-Timbalan Pengarah, Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, para Juri, para peserta, dan seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Pergi ke laut menangkap ikan
Membawa pulang si ikan tenggiri
Terima kasih atas jemputan
Melafaz rasmi majlis ini

(Kata Aluan)

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan keizinan-Nya, dapatlah kita hadir dan meluangkan masa bersama-sama selama 3 hari di Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi bagi tahun 2019. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pihak penganjur di atas jemputan untuk menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur KIKF 2019 kerana telah berjaya merealisasikan Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi pada tahun ini.
3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Johor yang menjadi tuan rumah pada kali ini di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi memastikan perjalanan konvensyen ini berjalan lancar.

4. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada panel hakim yang dijemput khas bagi membuat penilaian dan memberi pandangan terhadap hasil inovasi dan kreativiti yang dihasilkan oleh para peserta.

(Latar Belakang KIKF)

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Sepertimana sebelum ini, konvensyen yang diadakan setiap 2 tahun ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada hasil inisiatif kualiti yang diperkenalkan oleh warga farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia. Konvensyen ini juga merupakan satu platform perkongsian idea hasil ciptaan masing-masing yang dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan farmasi di negara ini.

(Pembudayaan Inovasi dan Kreativiti dalam Perkhidmatan)

6. Inovasi dan kreativiti merupakan elemen penting dalam menggalakkan daya saing negara. Penjawat awam yang bertindak sebagai jentera penting kerajaan perlu menyemarakkan lagi budaya inovasi bagi memastikan kelestariannya agar mampu menghasilkan perkhidmatan yang dapat memenuhi ekspektasi serta melangkaui kehendak pelanggan. Oleh itu, tema konvensyen yang dipilih pada kali ini ialah 'Memacu Kelestarian Inovasi'.

7. Budaya inovasi bermula dengan pemerhatian ke atas proses kerja dan ilham untuk menambah baik melalui inovasi dan kreativiti. Dalam usaha memupuk budaya inovasi, kita pasti tidak dapat lari daripada membicarakan soal mempunyai daya pemikiran yang kreatif kerana dua sikap tersebut merupakan perkara yang tidak dapat dipisahkan. Memetik kata-kata daripada Thomas Edison, "There's a way to do it better—find it". Justeru, kita perlu berfikir secara luar biasa di luar kotak kelaziman atau 'think in multi-dimensional ways'; seperti kata pujangga, "Innovation is the creation of the new or the re-arranging of the old in a new way".

Sidang hadirin sekalian,

8. Pembudayaan inovasi dalam semua aktiviti kerja adalah kritikal dan perkara tersebut bukanlah sesuatu yang mudah dilaksanakan. Strategi yang tepat perlu diterapkan agar inovasi dapat dijadikan sebagai budaya kerja setiap individu. Menurut Darrell Zahorsky, seorang perunding motivasi terkenal daripada Harvard Business Working Knowledge telah menggariskan 7 prinsip asas membudayakan inovasi di peringkat individu iaitu:

- a. Mengoptimumkan masa berimaginasi;
- b. Mengumpul segala idea;
- c. Memandang ke luar;
- d. Fokus pelanggan;
- e. Memanfaatkan segala jenis inovasi;
- f. Bertanya soalan yang betul; dan
- g. Menjadikan inovasi sebagai tabiat pemikiran

9. 7 prinsip asas ini adalah kritikal bagi memastikan pembudayaan inovasi dalam sesebuah organisasi berjaya menghasilkan natijah yang lebih berimpak tinggi dan berkesan. Evolusi minda dan tindakan pula adalah sesuatu yang seterusnya diperlukan bagi menentukan kejayaan pelaksanaan sesuatu inisiatif inovasi. Inovasi telah memungkinkan sesuatu yang sebelum ini sukar dilakukan menjadi lebih mudah dan perkara yang dulu lambat diuruskan kini menjadi lebih cepat dan pantas dilaksanakan.

(Inisiatif Kerajaan dalam Menggalakkan Inovasi dalam Sektor Awam)

10. Majlis Dasar Inovasi Malaysia (MIPC) yang ditubuhkan pada September 2018 mampu mendorong perkongsian yang lebih bersinergi antara sektor awam dan swasta dalam memacu pertumbuhan teknologi. Dalam membangunkan sesebuah idea kreatif, kerjasama antara rakan sekerja, jabatan, fasiliti, dan kementerian amat diperlukan sekiranya sesuatu idea ingin diperluaskan dan dimanfaatkan bersama. Peribahasa Melayu ada menyebut “Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat”. Ini adalah kerana sesuatu percambahan idea dalam memupuk budaya inovasi dan kreativiti turut melibatkan kerja secara berpasukan, yang juga merupakan kunci utama kejayaan dalam sesebuah organisasi.

11. Garis Panduan Inovasi juga telah dikeluarkan oleh Kerajaan pada tahun 2010 dalam usaha untuk membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan penjawat awam. Program-program seperti Program Peningkatan Produktiviti dan Program Strategi-strategi Peningkatan Kualiti telah dilaksanakan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dapat diberikan.

(Keperluan Mengikuti Arus Inovasi dan Teknologi Terkini)

12. Pada tahun 2020 dengan anggaran penduduk dunia mencecah 7.6 bilion, perkembangan semasa teknologi meramalkan 50 bilion peranti elektronik akan saling berinteraksi antara satu sama lain. Laporan Digital 2017 ada menyebut, internet kini mempengaruhi sebahagian besar rutin kehidupan harian manusia sejagat, bukan sahaja dalam hubungan sosial, malahan memberi impak terhadap pembangunan ekonomi dan politik dalam pelbagai aspek.

13. Selaras dengan itu, penerokaan potensi teknologi-teknologi baharu untuk diaplikasikan kepada perkhidmatan awam sedia ada dan baru perlu diperluas. Pengasas dan pengerusi eksekutif Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab, menerusi bukunya “The Fourth Industrial Revolution” menjelaskan Revolusi Perindustrian Keempat atau “Revolusi Industri 4.0” mengubah cara kita bekerja dan hidup. Perubahan ini dipacu oleh tiga domain teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biologikal yang merentasi sembilan tonggak Revolusi Industri 4.0. Dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0, warga KKM khususnya perkhidmatan farmasi perlu keluar daripada kebiasaan. Forum Ekonomi Dunia turut menggariskan betapa pentingnya penguasaan elemen 4C iaitu Critical Thinking & Problem Solving, Communication, Collaboration dan Creativity kepada semua individu dan juga organisasi di mana kemahiran 4C ini perlu dipupuk dan diasah di setiap penjuru kehidupan.

14. Warga KKM kini bukan sekadar perlu bijak dalam menyelesaikan masalah serta kreatif dalam melaksanakan tugas seharian namun perlu turut bijak dan pintar emosi. Kepintaran emosi adalah keupayaan mengenalpasti dan mengurus emosi diri dan pihak lain dengan tiga teraju utama iaitu kesedaran, jaringan dan kawalan emosi. Kepintaran emosi merupakan kunci kejayaan hubungan sosial dan profesional. Pembuatan pintar merupakan salah satu aspek yang ditekankan dalam Revolusi Industri 4.0, maka sumber manusia yang bakal dilatih dan diambil juga perlu bijak merebut peluang, kreatif dan berinovatif dalam mengemukakan cadangan serta berani mengambil risiko.

(Pencapaian Malaysia dalam Inovasi Global)

15. Jika dilihat dari sudut pencapaian negara di persada antarabangsa, kedudukan negara dalam Global Innovation Index 2018 telah menunjukkan peningkatan daripada kedudukan ke-37 pada tahun 2017 ke kedudukan ke-35. Senario ini menunjukkan bahawa budaya inovasi dan kreativiti telah menghasilkan perubahan berimpak besar kepada negara.

16. Laporan Global Competitiveness 2017-2018 pula telah meletakkan Malaysia sebagai negara ke-25 paling berdaya saing dalam kalangan 140 negara. Pencapaian ini seharusnya

menjadi pembakar semangat untuk kita terus berusaha dengan lebih gigih, terancang dan bersepadu dalam mendaki puncak kegemilangan di peringkat global. Pertandingan seumpama ini khususnya dapat dijadikan platform ke arah matlamat tersebut seperti kata pepatah “Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang”.

(Contoh Tindakan dan Hasil Inovasi yang Berjaya)

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

17. Kita patut mengambil contoh kejayaan syarikat seperti AirAsia yang mana melalui cetusan inovasi dan pemikiran kreatif telah mampu mengubah kedudukan syarikat yang pada awalnya mengalami kerugian yang besar dan dibebani dengan hutang yang banyak kepada sebuah syarikat penerbangan tambang murah yang terkenal kini. Kejayaan ini wajar dijadikan contoh dan inspirasi untuk kita sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan agar kekal relevan dalam memenuhi tuntutan semasa.

18. Selain itu, kisah kejayaan pengusaha pasar raya yang terkenal dengan harga yang rendah dan berpatutan seperti 99 Speedmart juga boleh dijadikan aspirasi dalam mencetus inovasi dan kreativiti di mana kedai tersebut mampu menyediakan pelbagai keperluan barangan runcit namun masih mampu mengekalkan harga barangan yang berpatutan. Kini pasar raya tersebut telah memiliki 1,000 cawangan di seluruh negara Malaysia dan prinsip yang sentiasa dipegang oleh pengusahanya adalah “your only limit is you”. Sesungguhnya cabaran dan musuh terbesar dalam memacu perubahan kepada sesuatu yang lebih baik adalah diri kita sendiri.

19. Perkhidmatan awam perlu berani berubah dan mencuba pendekatan baharu untuk meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan agar lebih cekap dan berkesan dan perkara pertama yang perlu diubah adalah cara berfikir ke arah yang lebih positif dalam usaha membantu kita semua mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada masa hadapan seperti Mutiara Kata daripada Albert Einstein yang berbunyi “The world as we have created it is a process of our thinking. It cannot be changed without changing our thinking”.

20. Harapan kita semua adalah untuk menyaksikan warga KKM khasnya warga farmasi dapat menjadi ejen penggerak inovatif yang unggul dalam perkhidmatan awam pada satu masa nanti. Justeru, perubahan berskala besar dan seimbang adalah diperlukan. Cabaran-cabaran semasa yang dihadapi, perlulah diatasi dengan langkah penyelesaian yang kreatif dan bijaksana. Semua warga farmasi khususnya mestilah senantiasa bersedia untuk berdepan dengan apa jua cabaran bagi memastikan usaha-usaha yang dilaksanakan mencapai kejayaan. Ingatlah pesan Salahuddin al-Ayubi – “Aku meminta kekuatan dan kemenangan, tetapi diberiNya aku masalah dan musuh agar aku dapat menggunakan kebijaksanaan.”

21. Justeru, sokongan daripada semua peringkat terutamanya pengurusan atasan sememangnya diperlukan bagi memastikan nilai-nilai kreativiti dan inovasi menjadi budaya kerja dan bukan bermusim atau untuk pertandingan semata-mata. Suka saya memetik kata-kata daripada pemikir strategis dunia, Harold McAlindon iaitu ‘World leaders in innovation and creativity will also be world leaders in everything else’.

(Penutup)

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

22. Saya berharap agar konvensyen kali ini dapat memberi impak yang positif serta mampu meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan farmasi kita. Besarlah harapan saya agar warga farmasi khasnya dapat menjadikan inisiatif inovasi yang ada sepanjang

konvensyen ini sebagai tanda aras untuk dicontohi oleh semua fasiliti dan meneruskan pembudayaan inovasi dengan menampilkan lebih banyak pendekatan idea baharu dalam melestarikan inovasi, selaras dengan tema konvensyen kita pada kali ini.

23. Sukacita turut dimaklumkan bahawa penganjuran konvensyen ini akan diadakan setiap 3 tahun berbanding 2 tahun seperti yang dianjurkan sebelum ini sebagai salah satu usaha meningkatkan lagi bilangan penyertaan dan kualiti aktiviti inovasi daripada warga farmasi.

24. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para peserta dan pemenang. Teruskan usaha untuk memantapkan lagi hasil inovasi anda semua. Bagi yang kurang menyerlah jadikanlah ini sebagai satu cabaran untuk lebih berjaya pada masa akan datang. “Hiduplah seperti air mengalir, pantang menyerah walau apa pun perjalanan yang ditempuh, ia tetap konsisten pada tujuannya iaitu muara”.


Banyak keluk ke penarik,
Keluk tumbuh pohon kuini,
Nan elok bawalah balik,
Nan tak elok tinggallah di sini.

25. Akhir kata, dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi Tahun 2019.


Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Terima Kasih.

Susun Atur Konvensyen di Berjaya Water Front Hotel, Johor Bahru


LAMPIRAN 2




Ballroom – Bengkel TRIZ




Auditorium 1 – Bengkel Lean




Auditorium 2 – Bengkel Design Thinking



Ballroom (Plenari, Sesi Perasmian)



Ballroom 3 - QA Poster




LCD Projector



Gambaran pembahagi antara Ballroom 2 & 3

11


Auditorium 1 – KIK



LCD Projector

12


Auditorium 2 – Inovasi Produk



LCD Projector

13


Breakout Room Hibiscus – Inovasi Teknologi Jasmine – Inovasi Perkhidmatan Daffodil – Inovasi Proses



LCD Projector


14

Breakout Room – Acadia (Bilik AJK)



15

Breakout Room – Angsana (Bilik VIP)



16

Reka Bentuk *Signage* Konvensyen

LAMPIRAN 3

Station Signage

		
COLLECT	TAG	STATION A
	KEY	STATION B
SUBMIT	SLIDE	STATION C @ AUDITORIUM 1



Bengkel Pra


	
SENARAI LOKASI BENGKEL PRA-KONVENSYEN	
BENGKEL	LOKASI
TRIZ	Ballroom 1 & 2
LEAN	Auditorium 1
DESIGN THINKING	Auditorium 2



Bengkel Pra



Pembentangan



Reka Bentuk Tag Nama Konvensyen**LAMPIRAN 4**Design Tag Nama KIKF2019

Reka Bentuk Piala & Mock Cheque Pemenang KIKF2019

LAMPIRAN 5

Cadangan
Rekabentuk
Piala & Mock
Cheque



KATEGORI INOVASI (PRODUK)

JOHAN



KATEGORI INOVASI (PERKHIDMATAN)

JOHAN



KATEGORI INOVASI (PRODUK)

NAIB
JOHAN



KATEGORI INOVASI (PERKHIDMATAN)

NAIB
JOHAN



KATEGORI INOVASI (PRODUK)

TEMPAT
KETIGA



KATEGORI INOVASI (PERKHIDMATAN)

TEMPAT
KETIGA



Cadangan Rekabentuk Piala Anugerah Khas (ENF & A&P)



KATEGORI INOVASI (PROSES)

JOHAN



KATEGORI INOVASI (PROSES)

NAIB JOHAN



KATEGORI INOVASI (PERKHIDMATAN)

TEMPAT KETIGA



Reka Bentuk Sijil KIKF2019

LAMPIRAN 6

Sijil Penyertaan dikemukakan kepada para peserta KIKF2019 dan peserta Bengkel Pra-Konvensyen. Contoh reka bentuk sijil seperti di bawah.



Sijil Penghargaan dikemukakan kepada Penceramah Bengkel, Penceramah Plenari, Panel Pengadil, *Showcase Exhibitor* dan Urus Setia Konvensyen. Contoh reka bentuk sijil seperti di bawah.



Senarai Semak Peralatan yang Perlu Dibawa semasa Konvensyen

LAMPIRAN 7

Bil	Peralatan	Kuantiti Keseluruhan	Lokasi	Hotel	Program Perkhidmatan Farmasi	Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Johor
1	PA System	6 Unit	Ballroom 2 Auditorium, 3 Breakout Room	6 unit disediakan oleh pihak Hotel	-	-
2	Microphone	16 Unit	Ballroom 6 Unit, 2 Auditorium 4 unit, 3 Breakout Room 6 Unit	16 unit disediakan oleh pihak Hotel	-	-
3	Projector	8 Unit	Ballroom 2 Unit, 2 Auditorium 2 unit, 3 Breakout Room 3 Unit	4 unit provided by Hotel (1 Ballroom + 3 Breakout room)	2 unit (2 Breakout room)	2 unit (2 Breakout room)
4	White Screen (10x12 ft)	1 Unit	Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
5	Portable white Screen (7x7ft)	6 unit	Ballroom 1 Unit, 2 Auditorium 2 unit 3 Breakout Room 3 Unit	6 unit disediakan oleh pihak Hotel (2 Auditorium 2 unit, 3 Breakout Room 3 Unit)	-	-
6	Laptop	11 Unit	Pendaftaran Peserta 3 unit Pendaftaran Penginapan 1 Unit Serahan Soft Copy 1 Unit Ballroom 3 Unit Concurrent Session 5 Unit	-	5 unit Status Aset di PPF: ada 9 unit dan maksimum bawa keluar 5 unit.	6 unit
7	HDMI Wire	8 Unit	Ballroom 2 Unit, 2 Auditorium 2 unit, 3 Breakout Room 3 Unit	4 unit disediakan oleh pihak Hotel	2 unit	2 unit
8	VGA Cable	2 unit	Sebagai simpanan sekiranya komputer riba tidak sesuai dengan kabel HDMI.	-	-	2 unit
9	Kabel Video	KIV (bergantung kepada jenis dan panjang)	Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
10	Kabel Audio	KIV (bergantung kepada jenis dan panjang)	Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
11	Splitter	2 unit	Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
12	Switcher	2 unit	Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
13	Television + HDMI for VIP	1 Unit	Ballroom 1 unit (Tatapan VIP)	1 unit disediakan oleh pihak Hotel	-	-
14	Projector Stand	1 Unit	Ballroom	-	Sedang mendapatkan quotation drpd vendor	-
15	Microphone stand	4 unit	Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
16	Stand Signage	4 unit	Untuk meletakkan sign pendaftaran	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
17	Barcode Scanner	4 unit	Pendaftaran	-	4 unit (Aset), 2 Unit Enf	-
18	Whiteboard	3 Unit	Pre-Convention	3 unit provided by hotel	-	-
19	Rostrum	2 Unit	Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-

Bil	Peralatan	Kuantiti Keseluruhan	Lokasi	Hotel	Program Perkhidmatan Farmasi	Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Johor
20	Karpet merah		Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
21	Sofa / Kerusi untuk VIP	2 Set	VIP Holding Room Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
22	Meja kopi untuk VIP	2 Set	VIP Holding Room Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
23	Bunga hiasan Meja Kopi dan bawah pentas		VIP Holding Room Ballroom	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
24	Laser Pointer	6 Unit	Ballroom 5 Concurrent Session	-	4 unit (2 unit aset + 1 unit R&D + 1 unit A&P)	2 unit
25	Stopwatch	6 Unit	Ballroom 5 Concurrent Session	-	4 unit (R&D)	2 unit
26	Loceng	6 Unit	Ballroom 5 Concurrent Session	-	4 unit (R&D)	2 unit
27	Dulang + Alas Dulang	2 Unit	Ballroom	-	-	2 unit (mempunyai ruang di belakang stage utama untuk meletakkan hadiah di atas meja)
28	Booth (showcase)	5 Booth	Ballroom 3	Vendor	-	-
29	Panel Poster	19 Unit	Ballroom 3 - kegunaan bagi menempatkan poster kategori QA poster, Inovasi Produk dan KIK (Bagi memuatkan 22 poster bersaiz A0)	8 Unit dari Vendor		11 Unit (telah mendapat pinjaman daripada BPF Johor)
30	Pensel	30 Unit	Kegunaan Pengadil	Disediakan oleh pihak Hotel	-	-
31	Pen (Hitam + Biru)	30 Unit	Kegunaan Pengadil dan Penceramah	-	Menggunakan stok yang telah dikeluarkan	-
32	Pemadam	7 Unit	Kegunaan Pengadil	-	7 unit	-
33	A4 Paper	3 Rim	kegunaan semasa konvensyen	-	1 Rim sahaja diluluskan	-
34	Marker Pen (Merah + Hitam + Biru) Permanent & white board	30 Unit	Kegunaan AJK dan penceramah	-	Menggunakan stok yang telah dikeluarkan	-
35	Calculator	7 Unit	Kegunaan Pengadil		Disediakan oleh JK Pengadilan	-
36	Printer (Black & White, Berwarna)	2 Unit	Tujuan pencetakan semasa konvensyen	-	Status aset PPF: perlu mengisi borang dan menggunakan printer dari meja pegawai (tiada printer khas tersedia untuk di bawa keluar), tiada printer berwarna	1 unit (berwarna)
37	Folder	3 Unit	Untuk meletakkan teks ucapan	-	Disediakan oleh JK Protokol	-
38	Clipboard	3 Unit	Digunakan bagi pengadil QA Poster	-	Menggunakan stok yang telah dikeluarkan	-
39	Label Sticker (white)	1 Unit / Pack	Tujuan label di kerusi VIP	-	Menggunakan stok yang telah dikeluarkan	-

Bil	Peralatan	Kuantiti Keseluruhan	Lokasi	Hotel	Program Perkhidmatan Farmasi	Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Johor
40	Cellophone Tape	5 Unit	kegunaan semasa konvensyen	-	1 unit sahaja diluluskan	-
41	Kenderaan + Pemandu	2 Unit	Bertujuan menjemput pengadil dan penceramah daripada lapangan terbang serta keperluan pengangkutan lain jika diperlukan.	-	-	2 unit
42	Wayar Penyambung (Triplets)	5 Unit	Sebagai <i>backup</i> sekiranya <i>plug point</i> tidak mencukupi	-	Bekalan daripada Puan Hairani (2) dan Puan Bibi (2), jika perlu lebih berunding dengan pihak hotel	3 unit
43	Troli barang (hand truck)	2 unit	Memudahkan pengangkutan barang teknikal	-	-	2 unit
44	Walkie Talkie	6 Unit	Memudahkan komunikasi	-	6 Unit (dari Cawangan Perisikan & Operasi, ENF)	-
45	Battery	AA - 2 Bundle AAA- 1 Bundle	Sebagai <i>backup</i> peralatan yang menggunakan batteri	-	AA - 2 Bundle AAA- 1 Bundle	-
46	Camera	2 Unit	Sesi bergambar dan mengambil foto sepanjang konvensyen berlangsung	-	Mendapat pinjaman daripada Bahagian A&P	-
47	Susunan meja + Kerusi			By Hotel	-	-
48	Mineral Water + High Tea (VIP)			By Hotel	-	-
49	Meeting set up paper + Pencil (Pre-conference)			By Hotel	-	-
50	Mints			By Hotel	-	-
51	Bakul Buah (Cenderahati)	2 unit		Opening & Closing Ceremony	-	-
52	VIP Parking			By Hotel (max 4 parking)	-	-
53	Water Goblets (VIP + Pengadil)			By Hotel	-	-

Slaid Latar Belakang Konvensyen

LAMPIRAN 8

Plenari 1: Horizon Scanning of Health Technologies

Dr. Izzuna Mudla Mohamed Ghazali



Plenari 2: Projek Inovasi Ez Weigh – Pengalaman di Peringkat Antarabangsa

Pn. Faridah Binti Saidi




